

**KAJIAN TERHADAP PELESTARIAN KHAZANAH WARISAN JAMBATAN  
GUILLEMARD BAGI TUJUAN PEMELIHARAAN YANG MEMBERI IMPAK  
KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT DI TANAH MERAH, KELANTAN.**

**MOHAMAD NAIM BIN IBRAHIM**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP PELESTARIAN KHAZANAH WARISAN JAMBATAN  
GUILLEMARD BAGI TUJUAN PEMELIHARAAN YANG MEMBERI  
IMPAK KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT DI TANAH MERAH,  
KELANTAN**

OLEH:

**MOHAMAD NAIM BIN IBRAHIM**

Projek penyelidikan ini dibuat bagi memenuhi syarat bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan pelajar

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar : Mohamad Naim bin Ibrahim

Nama Penyelia : Cik Noridayu binti Bakry

No. Kad Pengenalan: 990508-03-5921

Tarikh : 14 Februari 2024

Tarikh : 14 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Ilahi kerana dengan limpah Rahmat dan rezekinya, saya dapat menyelesaikan tugas projek penyelidikan ini dengan jayanya walaupun saya menghadapi banyak cabaran. Saya ingin memulakan dengan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Cik Noridayu binti Bakry, penyelia projek penyelidikan bimbingan saya, yang telah memberikan banyak nasihat, pendapat dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyempurnakan penulisan tesis. Saya mungkin menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan penyelidikan ini jika beliau tidak memberikan bimbingan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pihak Majlis Daerah Tanah Merah dan penduduk Tanah Merah atas bantuan mereka dalam menjalankan tugas projek penyelidikan ini. Selain itu, kami berterima kasih kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) Universiti Malaysia Kelantan untuk bantuan mereka dalam memulakan proses menyelesaikan tugas ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya, yang banyak membantu saya dalam meneruskan penyelidikan ini dengan menyediakan sokongan emosi, rohani dan kewangan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang membantu dengan berkongsi maklumat dan mengajar saya cara melaksanakan projek penyelidikan ini.

Sekian terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>ii-iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>v-vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>viii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ix</b>
<b>Bab 1 Pendahuluan</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.3 Permasalahan Kajian	5-6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8-9
1.7 Kepentingan Kajian	10-11
1.8 Definisi Operasional	11-16
1.9 Penutup	16
<b>Bab 2 Sorotan Kajian</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Tanah Merah	17-18
2.3 Kepentingan Memelihara Bangunan Warisan	19

2.4	Jambatan Guillemard	20-21
2.5	Pemeliharaan	22-26
2.6	Penutup	27
<b>Bab 3 Kajian Metodologi</b>		
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Kaedah Kajian	
	3.3.1 Kaedah Kualitatif	
	3.3.2 Kaedah Kuantitatif	30-32
3.4	Unit Analisis	33
3.5	Teknik Pengumpulan Data	
	3.5.1 Data Primer	
	3.5.2 Data Sekunder	34-38
3.6	Persampelan	39
3.7	Analisis Data	40-41
3.8	Penutup	41
<b>Bab 4 Dapatan Kajian</b>		
4.1	Pengenalan	42
4.2	Latar Belakang Demografi Responden	43
4.3	Sejarah Penubuhan dan Susur Galur Masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan	
	4.3.1 Sejarah Penubuhan Jambatan Guillemard Tanah Merah Kelantan	
	4.3.2 Susur Galur Masa Jambatan Guillemard Tanah Merah	

4.3.3 Pihak Bertanggungjawab Dalam Penubuhan Jambatan Guillemard	
4.3.4 Pemeliharaan Bagi Memastikan Aspek Keselamatan Pengunjung Dan Mempromosikan Jambatan Guillemard Sebagai Kawasan Pelancongan Warisan	43-48
4.4 Latar Belakang Demografi Responden	49-50
4.5 Aspek Pemeliharaan Yang Dibuat Terhadap Jambatan Guillemard: Dari Responden Masyarakat	51-57
4.6 Impak Pemeliharaan Jambatan Kepada Masyarakat Setempat: Dari Responden Masyarakat	58-68
4.7 Penutup	69
<b>Bab 5 Kesimpulan Dan Cadangan</b>	
5.1 Pengenalan	70
5.2 Kesimpulan	70-71
5.3 Cadangan	72-73
<b>Rujukan</b>	74-76
<b>Lampiran</b>	77-84

## SENARAI JADUAL

NO.	HALAMAN
4.4(a) Frekuensi Responden Mengikut Jantina	49
4.4(b) Frekuensi Responden Mengikut Umur	49
4.4(c) Frekuensi Responden Mengikut Bangsa	50
4.4(d) Frekuensi Responden Mengikut Status	50
4.4(e) Frekuensi Responden Mengikut Pekerjaan	50
4.5.1(a) Lakukan pemeriksaan rutin secara berkala untuk mengesan kemungkinan kerosakan dalam struktur jambatan	52
4.5.1(b) Menjalankan penyelenggaraan pada bahagian yang rosak seperti menggantikan atau memperbaiki komponen yang rosak	53
4.5.1(c) Membersih keluaran bahan terkumpul di sekeliling jambatan seperti sampah dan tumbuhan liar	54
4.5.1(d) Sistem saliran jambatan mesti diselenggara untuk mengelakkan takungan air yang boleh merosakkan substruktur jambatan.	55
4.5.1(e) Memeriksa dan menyelenggara struktur sokongan seperti tiang dan asas untuk memastikan kestabilan jambatan	56
4.5.1(f) Lakukan pembaikan segera jika didapati kerosakan yang boleh membahayakan keselamatan pengguna	57
4.6.1(a) Masyarakat akan lebih minat untuk mengetahui tentang kewujudan sejarah penubuhan Jambatan Guillemard	59
4.6.1(b) Penubuhan Jambatan Guillemard mampu menyebarkan ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat	



seperti sejarah Jambatan Guillemard	60
4.6.1(c) Menjadikan Jambatan Guillemard sebagai salah satu kunjungan yang bermanfaat serta menjadikan sebagai khazanah warisan negara	61
4.6.1(d) Jambatan Guillemard dapat menarik minat golongan masyarakat untuk mengetahui keunikan seni bina terdahulu	62
4.6.1(e) Penubuhan Jambatan Guillemard mampu membuka mata masyarakat tentang keunikan struktur binaan, peristiwa dan sebagainya	63
4.6.1(f) Keunikan seni bina Jambatan Guillemard memberi kesedaran kepada golongan masyarakat kini pentingnya mengetahui seni bina terdahulu yang masih kekal utuh sehingga sekarang	64
4.6.1 (g) Jambatan Guillemard bukan sahaja melindungi warisan sejarah tetapi memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami peristiwa penting dalam sejarah negara	65
4.6.1 (h) Penyelenggaraan jambatan dijalankan untuk memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakan Jambatan Guillemard terjamin selamat	66
4.6.1 (i) Jambatan Guillemard mampu mewujudkan hubungan sosial antara masyarakat setempat diertakan dengan kehadiran pengunjung luar	67
4.6.1 (j): Jambatan Guillemard boleh menyumbang terhadap sektor ekonomi tempatan terutamanya dalam industri pelancongan	68

## SENARAI RAJAH

NO.	HALAMAN
1.1 Foto Circular Metro Carriage 1942	3
1.2 Peta Lokasi Kajian	8
3.1 Proses Analisis Data oleh Clarke & Braun (2006)	41
4.1 Jambatan Guillemard Ketika Dibom	46
4.2 Jambatan Guillemard Selepas Dibaiki	46

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Kajian Pelestarian Khazanah Warisan Jambatan Guillemard Bagi Tujuan Pemeliharaan yang Memberi Impak Kepada Masyarakat Setempat Di Tanah Merah, Kelantan**

**ABSTRAK**

Projek penyelidikan ini dijalankan untuk memenuhi sukatan tahun akhir bagi pengajian kursus Pengajian Warisan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji “Kajian Pelestarian Khazanah Warisan Jambatan Guillemard Bagi Tujuan Pemeliharaan yang Memberi Impak Kepada Masyarakat Setempat Di Tanah Merah, Kelantan”. Penyelidikan yang dijalankan adalah mengikut objektif kajian yang telah dikemukakan antaranya mengenalpasti sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan, mengkaji aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard dan menganalisis impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif seperti temu bual dan kaedah kuantitatif tinjauan menggunakan soal selidik beserta pemerhatian di kajian lapangan. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pelbagai pihak tidak kira di peringkat masyarakat sehingga ke pihak kerajaan terutama di dalam pelestarian khazanah warisan Jambatan Guillemard Tanah Merah, Kelantan.

Kata kunci: *Daerah Tanah Merah, Jambatan Guillemard, Pelestarian, Pemeliharaan*

***Study on the Preservation of Guillemard Bridge Heritage Treasures for Conservation Purposes that Impact the Local Community in Tanah Merah, Kelantan.***

***ABSTRACT***

*This research project was carried out to meet the final year requirements for the Heritage Studies course. This study was conducted to examine "The Study of the Preservation of Guillemard Bridge Heritage Treasures for the Purpose of Conservation that Impacts the Local Community in Tanah Merah, Kelantan". The research carried out is in accordance with the research objectives that have been presented, including identifying the history of the establishment and timeline of the Guillemard Bridge, Tanah Merah Kelantan, studying aspects of the maintenance of the Guillemard Bridge and analyzing the impact of bridge maintenance on the local community. The researcher uses a qualitative research design such as interviews and a quantitative survey method using questionnaires along with observations in the field study. The researcher hopes that this study can help various parties from the community level to the government, especially in the preservation of the heritage treasures of the Tanah Merah Guillemard Bridge, Kelantan.*

*Keywords: Tanah Merah District, Guillemard Bridge, Preservation, Conservation*

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab 1 menerangkan mengenai latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, skop serta kepentingan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Kaedah ini penting pada peringkat awal kajian dalam mengenal pasti isu permasalahan kajian dengan lebih jelas dan hala tuju bagi kajian ini. Kejayaan pengkaji melalui penulisan kajian yang lebih teratur dan kemas bergantung pada elemen ini sekaligus boleh membantu masyarakat setempat dan diri sendiri.

Pemuliharaan tapak Jambatan Guillemard iaitu jambatan kereta api terpanjang dan kedua tertua di Malaysia dilaksanakan oleh Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara (JLN) pada tahun 8 Ogos 2022. Pembinaan landskap menarik di lokasi itu adalah antara usaha memulihara monumen bersejarah dan mempunyai panorama yang menarik dimana jambatan tersebut menjadi saksi banyak peristiwa bersejarah yang berlaku di Kelantan, terutama kemaraan tentera Jepun, bah merah pada 1926 dan 1967 serta bah kuning pada 2014 (Izani Husin, 2022). Projek landskap terbabit meliputi penyediaan medan tinjau, galeri sejarah terbuka dan taman riadah. (Harakahdaily, Kelantan perindahkan landskap Jambatan Guillemard. Diakses pada 24 ogos 2023 daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/24/kelantan-perindahkan-landskap-jambatan-guillemard/>).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap negeri di Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian nilai warisan dan tempat bersejarah yang mempunyai latar belakang sejarah tidak boleh dilupakan. Kawasan yang bersejarah sewajarnya diangkat menjadi tempat bersejarah agar generasi kini dapat mengetahui akan kepentingannya serta menambah pengetahuan baru. Di Malaysia khususnya negeri Kelantan terdapat beberapa tempat bersejarah termasuklah jambatan kereta api kursial atau lebih dikenali sebagai Jambatan Guillemard.

Jambatan Guillemard telah diambil dengan nama daripada Gabenor British iaitu Gabenor di Negeri Selat serta Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu ketika itu iaitu Sir Laurence Guillemard. (Kelab Pencinta Sejarah Kelantan, Jambatan Guillemard. Diakses pada 16 Ogos 2023 daripada <https://sejarahkelantan.wordpress.com/2012/09/16/jambatan-guillemard/>) Jambatan yang merentasi Sungai Kelantan bermula dari Paloh Rawa, Machang hingga ke Kursial, Tanah Merah merupakan jambatan keretapi yang terpanjang terdapat di Malaysia. Kebiasaan struktur jambatan dibina dengan menggunakan besi. Banyak bangunan moden telah dibina di Kelantan semasa pemerintahan Sultan Muhammad IV dan selepas pemerintahan Siam dan British. Bermula 1921, Sultan Ismail memerintah Kelantan sekali lagi untuk mempromosikan pembangunan. British membina laluan keretapi dari Tumpat ke Thailand pada tahun 1914, yang bersambung ke Bangkok. Melalui atas nasihat oleh Penasihat British, jambatan keretapi yang dibina telah menyelusuri antara Kursial, Tanah Merah dan Paloh Rawa, Machang untuk menambahkan lagi eksploitasi hasil bumi Kelantan serta meningkatkan keuntungan terhadap imperialis. (Awang Adil, Keunikan

Jambatan Guillemard dulu dan kini. Diakses pada 20 ogos 2023 (<https://pp-sk.blogspot.com/2014/08/keunikan-jambatan-guillemard-dulu-dan.html>).




Foto 1.1 : Circular Metro Carriage 1942 (<http://pp-sk.blogspot.com/2014/08/keunikan-jambatan-guillemard-dulu-dan.html?m=1>)

Jambatan ini merupakan jambatan yang dibina oleh *Metro Carriage Wagon & Finance Company Limited*, yang beroperasi di *Wednesbury Work, England*. Semenjak 1871, syarikat berpangkalan di England memiliki kehebatan dan kepakaran dalam reka bentuk sistem keretapi. Jambatan ini dibina secara berasingan iaitu melalui jalan keretapi dari Tumpat sehingga ke Kuala Krai. Pelabuhan terletak di Tumpat, Bukit Besi terletak di

Machang, dan estet dan ladang getah terletak di Kuala Krai, yang sebelum ini dipanggil Batu Mengkebang. Pembinaan jalan keretapi adalah satu cara penting untuk mengurangkan kos dalam pengeluaran bahan mentah kerana kepentingan dalam sumber bahan mentah yang terdapat di Batu Mengkebang dan Machang. Selain itu, laluan keretapi menghubungkan Rantau Panjang adalah merupakan sempadan dengan Siam, juga dibina. Jambatan panjang yang berukuran 609.6-meter ini melintasi Sungai Kelantan dibina pada tahun 1924. Dengan hampir 80% strukturnya diperbuat daripada besi, ia direka bentuk bagi digunakan untuk kenderaan yang lain. Ia adalah jambatan terpanjang di Malaya pada masa itu, yang menjadikannya unik.

Namun demikian pada 12 Disember 1941, tentera British telah mengebom jambatan kereta api "Guillemard" dalam usaha untuk menghentikan serangan tentera Jepun di Kuala Krai. Jambatan kereta api ini telah dipulihkan dan telah dibuka untuk berfungsi semula kepada Masyarakat pada 7 September 1948, selepas tamatnya Perang Dunia II. Pada 7 September 1948, Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad IV dengan rasminya membuka semula jambatan ini.

Seterusnya, Jambatan Guillemard telah tidak digunakan oleh kereta pada 1 Februari 1988 dan pada masa ini digunakan hanya oleh Keretapi Tanah Melayu. Hal ini kerana sebuah jambatan baru telah dibina berhampiran.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian yang dijalankan ini seterusnya kepada beberapa isu dan masalah iaitu tiada kajian yang khusus terhadap kelestarian tapak monumen Jambatan Guillermaid. Permasalahan isu yang dikaji adalah kurangnya kajian khusus mengenai kajian pelestarian khazanah warisan di Jabatan Guillermaid bagi tujuan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat. Kekurangan kajian diperoleh di sini oleh pelbagai pengkaji menyebabkan Jambatan Guillemaid yang sememangnya mempunyai pelbagai kisah yang menarik terutamanya sejarah yang berkait rapat dengan kewujudan masyarakat pada suatu ketika dahulu. Pernyataan ini disokong oleh (Shaik Azahar dan Noralia, 2017) yang mengatakan warisan merupakan perkara yang bernilai diwaris terhadap generasi dahulu hingga sekarang dan berharap agar warisan sejarah mampu dipelihara serta dikekalkan bagi generasi baharu. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini mampu membuka mata generasi muda untuk melawati tempat bersejarah kerana kawasan ini mempunyai warisan bersejarah yang tinggi melalui tinggalan binaan bangunan bersejarah ini di Malaysia. (Siti Nuraisyah Husin Azreen Natasya Ruszaimi Ap-Azli Bunawan, Menyingkap Sejarah Penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak dan Warisan Binaannya. Diakses pada 1 September 2023 daripada <https://jslim.uitm.edu.my/pdf/5110.pdf>).

Di samping itu, isu dan masalah kedua dari aspek nilai pelancongan dan sejarah terhadap monumen Jambatan Guillermaid. Jambatan Guillemaid yang bersejarah tetapi sunyi sehingga tidak sepadan menjadi tempat pelancongan kerana terbiar tanpa diberi nilai tambah. Menurut laporan Berita Utusan Online mendapati bahawa jambatan ini lenggang dengan kehadiran daripada pelbagai pengunjung. Tempat bersejarah yang

dijadikan pelancongan negeri ini tidak dipromosi dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab seperti pihak berkuasa sehingga orang luar tidak mengetahui kewujudan tersebut. Oleh itu, kekurangan promosi dan pendedahan mengenai kepentingan sejarah di Jabatan Guillemard menyebabkan tempat bersejarah ini tidak diketahui oleh pengunjung luar. (Torek Sulong, Jambatan Guillemard bersejarah, namun sunyi. Diakses pada 4 September 2023 daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2022/04/jambatan-guillemard-bersejarah-namun-sunyi/>).

Selain itu, permasalahan yang lain ialah tiada kajian pendokumentasian dalam memelihara Jabatan Guillemard. Menurut Muhammad Hadi Solehim (2022), mengatakan bahawa semasa beliau ingin melakukan kajian terhadap tempat itu bersama rakan-rakannya, carian internet mengenai sejarah serta maklumat berkaitan dengan Jambatan Guillemard sedikit disebabkan oleh tiada maklumat paparan juga papan tanda yang terdapat di situ. Hal ini jelas menunjukkan kurangnya dokumentasi serta monumen di situ sehingga menyukarkan pelbagai pihak yang mempunyai sifat ingin tahu dalam mendapatkan informasi. ((Torek Sulong, Jambatan Guillemard bersejarah, namun sunyi. Diakses pada 4 September 2023 daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2022/04/jambatan-guillemard-bersejarah-namun-sunyi/>).

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Dalam persoalan kajian ini, pengkaji membina beberapa persoalan kajian bagi menjawab objektif kajian mengenai Pelestarian Khazanah Warisan Jambatan Guillemard Bagi Tujuan Pemeliharaan yang Memberi Impak Kepada Masyarakat Setempat Di Tanah Merah, Kelantan.

1. Apakah sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan?
2. Bagaimanakah aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard?
3. Sejauhmanakah impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Dalam melaksanakan kajian ini, beberapa objektif kajian telah dibentuk sebelum kajian dilaksanakan. Antara objektif yang telah dibuat dengan teliti bagi menjawab terhadap persoalan kajian adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Mengenalpasti sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan.
2. Mengkaji aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard.
3. Menganalisis impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat.

## 1.6 Batasan Kajian



Foto 1.2: Peta Lokasi Kajian

<https://www.libur.com.my/jambatan-guillemard-97-tahun-kukuh-atas-sungai-kelantan/>

Sumber: Google Maps (2023)

Foto 1.2 menunjukkan lokasi dimana terletak jambatan bersejarah iaitu Jambatan Guillemard. Kajian ini akan dijalankan tertumpu di kawasan Tanah Merah, Kelantan. Kedudukan geografi bagi Jambatan Guillemard merupakan sebuah jambatan kereta api yang berada di Sungai Kursial, Daerah Tanah Merah, Kelantan, Malaysia. Tempat ini dipilih antara faktor tertentu adalah disebabkan ianya telah menjadi kawasan menjadi tumpuan kepada penduduk Tanah Merah pada masa kini dan merupakan salah satu tempat bersejarah di Malaysia.

Batasan kajian yang dilakukan ini berdasarkan dengan objektif kajian, iaitu mengenalpasti sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan. Mengkaji aspek pemeliharaan yg dibuat terhadap Jambatan Guillemard dan menganalisis impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat.

Bagi mendapatkan dapatan kajian pula, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu tinjauan dan temu bual bagi mendapatkan bukti dan bahan yang diperlukan agar menyokong dalam pelaksanaan kajian. Kajian mengenai Pelestarian khazanah warisan Jambatan Guillemard bagi tujuan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat di Tanah Merah, Kelantan hanya dibataskan kepada penduduk setempat yang pernah melawati Jambatan Guillemard sahaja.

MALAYSIA  
UNIVERSITI  
KELANTAN

## 1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian dijalankan memiliki sesuatu matlamat yang jelas dan perlu dicapai kepada objektif ditetapkan. Kajian yang ini dijalankan atas dasar dalam mengenal pasti sejarah penubuhan Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan. Kebanyakan generasi muda kini kurang mengetahui peristiwa-peristiwa sejarah terdahulu mengenai jambatan bersejarah. Kesedaran umum betapa pentingnya menghargai sejarah perlu dipupuk dan diberi pendedahan awal melalui pelbagai cara seperti melawat ke lokasi Jambatan Guillemard. Dari segi individu, penghasilan daripada kajian ini adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan bukan hanya para pengkaji malah kepada pelawat atau masyarakat setempat terutamanya sejarah penubuhan Jambatan Guillemard dengan lebih mendalam.

Kajian ini juga penting kepada masyarakat untuk mengetahui dan mendapatkan gambaran jelas tentang kewujudan tempat-tempat menarik untuk dilawati mengenai sejarah lampau yang mempunyai peristiwa tertentu agar tidak dilupakan pada masa akan datang. Bukan itu sahaja, menerusi kajian yang dijalankan, masyarakat akan lebih tertarik untuk mengkaji tempat warisan bersejarah yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, masyarakat akan melawat serta mempelajari dengan lebih meluas mengenai sejarah lampau yang berada di Tanah Melayu melalui jambatan bersejarah ataupun bangunan-bangunan tinggalan yang mempunyai nilai sejarah tinggi.

Bagi institusi pendidikan pula, hasil analisis kajian juga diharapkan mampu memberikan satu pendedahan baru berkaitan Pelestarian khazanah warisan Jambatan Guillemard terutamanya, sekali gus membolehkan ia menjadi titik rujukan kepada kajian pada masa hadapan. Seterusnya, kajian ini memberi manfaat dan kepentingan terhadap pihak universiti kerana kajian penyelidikan mendedahkan pentingnya kepada pelajar untuk masa hadapan. Kajian ini boleh memberi pelbagai kebaikan kepada universiti kerana ia akan menghasilkan pelajar yang mempunyai pengetahuan yang luas. Ia juga boleh berfungsi sebagai tempat rujukan untuk bahan ilmiah berkaitan bidang pengajian warisan. Kajian ini juga penting kerana ia akan mengajar pengkaji untuk menjalankan penyelidikan lain pada masa hadapan dan menjadi sumber rujukan kepada semua.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **i) Bangunan Warisan**

Bangunan warisan atau boleh disebut sebagai bangunan bersejarah merupakan tinggalan sejarah yang boleh menjadi tempat pelancongan warisan. Bangunan warisan, juga dikenali sebagai bangunan bersejarah, adalah antara warisan yang paling ketara dan boleh dilihat. Menurut Fielden (2000), bangunan bersejarah mempunyai pelbagai nilai, termasuk nilai seni bina, nilai sejarah, nilai estetik mahupun nilai sosial masyarakat. Sebuah bangunan harus dianggap bersejarah jika ia mampu bertahan selama bertahun-tahun selepas digunakan. Bangunan bersejarah kebiasaannya dilihat sebagai struktur atau bangunan yang memiliki nilai bersejarah, seperti mempunyai kepentingan bersejarah atau bersejarah dengan orang penting dalam sejarah.

## ii) Pemeliharaan bangunan warisan

Konsep pemeliharaan bangunan warisan merupakan salah satu kaedah yang dilaksanakan dalam mempertahankan fungsi dari sesebuah bangunan. Dalam menjalankan pelaksanaannya bagi pemeliharaan bangunan memerlukan pengurusan serta kos pemeliharaan. Bangunan yang dipelihara dengan baik akan membuat pengguna bangunan merasa saat melakukan pelbagai aktivitas. Oleh itu, pemeliharaan bagi setiap bangunan harus memiliki sistem yang jelas dan terencana (Risanji, 2018). Jelaslah, pemeliharaan perlu dilakukan ke atas Jambatan Guillemard ini.

## iii) Komuniti setempat

Komuniti setempat ialah kumpulan orang yang tinggal di kawasan yang sama, berinteraksi antara satu sama lain dan berkongsi budaya dan peraturan. Menurut Abdullah et al. (2017), komuniti setempat ialah kumpulan yang sentiasa berubah dan berkembang, bermula dengan komuniti primitif dan berkembang menjadi komuniti maya. Haliza (2010) kemudian menjelaskan bahawa penglibatan yang langsung diperlukan oleh komuniti setempat untuk memastikan pembangunan mampan di kawasan mereka. Rina Ilyana (2007) menyatakan bahawa penglibatan komuniti setempat dalam pembangunan fizikal boleh membantu memelihara warisan atau keunikan kawasan mereka. Hujahan ini menunjukkan bahawa kedua-dua pemuliharaan dan pemeliharaan aset warisan adalah penting untuk komuniti.



#### iv) **Definisi Jambatan**

Jambatan berfungsi sebagai binaan perhubungan bagi merentasi satu kawasan ke kawasan yang lain seperti sungai dan laut. Binaan asal jambatan terdiri daripada kayu dan batu sebagai struktur utama. Jambatan yang paling tua dikenali sebagai jambatan clapper, dan ia masih bertahan sehingga kini (Chris Oxlade dan Muhammad Razin Ong, 2007).

Selain itu, jambatan juga berfungsi sebagai mempercepatkan laluan perhubungan atau memendekkan jalan pengangkutan. Dimana jika melalui jalan darat yang lain mengakibatkan laluan tersebut lebih jauh berbanding laluan jambatan tersebut.

Dengan teknologi pembinaan yang semakin berkembang sekarang, jambatan bukan sahaja digunakan untuk kenderaan malah ia juga boleh digunakan untuk laluan keretapi dan pejalan kaki. Kini dengan teknologi yang pesat terdapat pelbagai jenis jambatan seperti jambatan galang, jambatan kerangka, jambatan gerbang tertekan, jambatan gantung serta jambatan kabel tambatan.

#### v) **Warisan**

Warisan adalah sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. Warisan kita adalah ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelmakan melalui objek budaya. Ia menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu. (Jabatan Warisan Negara, 2020b).

Warisan mempunyai banyak perkara yang boleh dikatakan jika dilihat dari segi istilah. Warisan, untuk menjadikannya lebih jelas, adalah sesuatu yang diwarisi secara turun temurun oleh seseorang dalam kelompok masyarakat daripada generasi sebelumnya (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2023). Ini menunjukkan betapa pentingnya warisan kepada negara, terutamanya dengan undang-undang yang berkaitan dengan warisan. Selepas Jabatan Warisan Negara mewartakan warisan ini, kita mesti menjaganya (Sukri, 2022).

Dalam kajian yang bertajuk “Heritage Act 2005: A Retrospective Review,” Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot (2011) membincangkan maklumat tentang Akta Warisan Kebangsaan 2005, yang menetapkan piawaian untuk pemuliharaan dan perlindungan lestari warisan dan budaya, serta definisi warisan. Dengan populasi Melayu yang pelbagai dari pelbagai kaum dan etnik, warisan budaya Malaysia sangat pelbagai. Oleh itu, warisan negara telah disenaraikan sebagai salah satu daripada 15 khazanah negara yang mesti dilindungi kerana ia merupakan komponen identiti negara.

Warisan juga mempunyai banyak definisi yang berbeza dan penting untuk mempunyai pemahaman yang mendalam tentang istilah yang digunakan dalam menjelaskan setiap maksudnya. Warisan, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) adalah sesuatu diwarisi oleh seseorang daripada generasi terdahulu kepada generasi berikutnya. Ini bermakna setiap tindakan atau idea mereka mesti dimiliki serta diterima oleh semua masyarakat tanpa mengira generasi terdahulu.

Ini juga menyokong definisi Akta Harta Benda Purba 1976, yang menyatakan apaapa tinggalan turun temurun, sama ada buatan atau semula jadi, yang alih atau tidak alih dan nampak atau tidak nampak. Warisan ini boleh merujuk kepada apa-apa hasil daripada tindakan sejarah yang boleh digunakan oleh masyarakat hari ini dan menjadi sebahagian daripada alat yang mereka gunakan untuk menjalani kehidupan.

Begitu juga dengan definisi yang dikemukakan yang selaras dengan penambahan maksud definisi mengikut Akta Harta Benda Purba, 1976 seperti yang dinyatakan dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Warisan, menurut Akta ini, boleh dianggap sebagai warisan kebangsaan jika ia termasuk mana-mana tapak, objek, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana individu yang hidup. Akta Warisan Kebangsaan, Seksyen 67, menyatakan maksud ini.

Feilden dan Jokilehto (1993) dalam kajiannya yang membangunkan model perancangan strategik berkaitan tapak warisan budaya dunia. Konsep yang ditekankan oleh mereka iaitu pengurusan sumber manusia dan kepentingan dalam mengiktiraf nilai sesebuah aset warisan untuk segala kerja yang dijalankan. Kajian yang dilakukan oleh mereka telah mendapati pengetahuan yang kurang serta kesedaran tiada terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan harus diurus, dijangka dengan aktiviti pengurusan utama lain melalui konteks warisan bangunan atau tempat bersejarah di Malaysia. Di samping itu, amalan pendekatan terbaik melalui pengurusan penyelenggaraan juga tiada di Malaysia.

Warisan boleh ditakrifkan sebagai hasil daripada perbuatan tangan, pemikiran, kreativiti, dan falsafah generasi terdahulu kepada generasi sekarang, menurut ketiga-tiga definisi itu. Warisan itu menunjukkan bagaimana masyarakat berterusan dan berubah mengikut keadaan dan halangan.

## **1.9 Penutup**

Kesimpulannya, menerusi bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop serta kepentingan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Kaedah ini penting pada peringkat awal kajian dalam mengenal pasti isu permasalahan kajian dengan lebih jelas dan hala tuju bagi kajian ini. Kejayaan pengkaji melalui penulisan kajian yang lebih teratur dan kemas bergantung pada elemen ini sekaligus boleh membantu masyarakat setempat dan diri sendiri.

## BAB DUA

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab kedua membincangkan hasil daripada penyelidikan terdahulu mengenai pelestarian khazanah warisan Jambatan Guillemard bagi tujuan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat di Tanah Merah, Kelantan. Sorotan kajian lepas membantu pengkaji menggunakan data kajian dimana kajian terdahulu boleh membantu pengkaji dalam memahami isu dan cara pengkaji terdahulu menyelesaikannya. Pada masa yang sama, dapatan kajian sebelumnya boleh membantu dalam mengaitkan keputusan dapatan kajian baru ini. Pengkaji juga perlu memastikan setiap kajian adalah saling berkaitan dan mempunyai analisis yang menyeluruh apabila melakukan penyediaan kajian ini.

#### 2.2 Tanah Merah

Nama Tanah Merah di ambil sempena tanah yang berwarna merah jenis literit yang terletak memanjang di tepi sungai Kelantan di Kampung To' Cho Bor dalam Jajahan Machang dan ianya bertentangan dengan Kampung Kusial Baru. Penduduk Kampung Kusial Baru menamakan orang-orang yang menetap di kawasan ini sebagai Orang Tanah Merah. (Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, 1994).

Selain dari penduduk yang berasal dari situ, terdapat juga orang luar yang telah berhijrah dan membina penempatan di kawasan tersebut. Akhirnya kawasan tersebut dikenali sebagai Tanah Merah. Tanah Merah terus membangun apabila jambatan Keretapi Guillemard dibuka pada tahun 1924. Jambatan Guillemard ialah jambatan keretapi terpanjang di Malaysia. Ia telah di bina pada tahun 1921 dan siap tahun 1924. Jambatan ini adalah yang pertama merentasi Sungai Kelantan. Tujuan pembinaan jambatan ini oleh pihak Inggeris adalah untuk keperluan ekonomi dan strategi peperangan. Dengan terbinanya jambatan ini pihak Inggeris dapat mengangkut hasil getah dari ladang-ladang mereka di

Kelantan dengan mudah dan cepat. Sebahagian dari jambatan ini pernah dimusnahkan oleh Inggeris semasa pendaratan Jepun di Tanah Merah dan telah dibaik pulih setelah perang tamat. Pekerja-pekerja ladang "*Duff Company*" telah menjadikan Tanah Merah sebagai tempat bersantai pada hujung minggu. Disamping itu, kedatangan Kaum China dari kampung-kampung melalui keretapi mempercepatkan lagi pertumbuhan gudang-gudang dan aktiviti komersil di situ.

Tanah Merah semakin berkembang setelah Stesen Keretapi dibina pada tahun 1971. Penduduk yang tinggal di tepi sungai Kelantan mula berpindah dan membuat penempatan berhampiran dengan landasan keretapi tersebut. (Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah,1994).

### 2.3 Kepentingan memeliharaaan bangunan warisan

Banyak bangunan, jambatan dan monumen warisan telah usang dan tidak diselenggara, menyebabkan kepupusan dan pengabaian bangunan sejarah. Untuk memenuhi kepentingan ekonomi negara dalam pembangunan kawasan bandar, bangunan warisan ini telah dirobohkan. Pihak pembangunan ingin merobohkan Rumah Bok, juga dikenali sebagai Le Coq d'Or, seperti yang dilaporkan dalam akhbar New Straits Times (NST) pada tahun 2006. Pihak berkuasa telah mendapati bahawa bangunan ini tidak sesuai untuk pemuliharaan dan bahawa kerja pemuliharaan memerlukan banyak modal (sumber akhbar: NST, 2006). kepentingan bangunan dan jambatan warisan untuk mengajar generasi dan masyarakat yang mempunyai semangat cinta negara yang lemah. Meskipun bangunan warisan Malaysia ini mempunyai cerita atau kisah yang mungkin tidak disukai oleh Tanah Melayu pada masa lalu, rakyat boleh mengambil pengajaran daripada sejarah untuk kebaikan negara. Selain itu, bangunan warisan mempunyai keupayaan untuk meningkatkan ekonomi negara melalui pelancongan. Bangunan warisan boleh menarik perhatian pengunjung, terutamanya pelancong, dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bangunan warisan memainkan peranan penting dalam membentuk watak dan cara berfikir generasi muda Malaysia. Ini akan membolehkan pembentukan warganegara yang setia kepada negara mereka sendiri.

## 2.4 Jambatan Guillemard

Dalam kenyataan yang dibuat oleh Teow Ching Ching, (2008) dalam kajian mengenai tajuk kerendahan seismik mengenai Jambatan Kereta Api Guillemard yang membentangkan hasil kajian mengenai kes tindak balas gempa di Jambatan Kereta Api Guillemard. Jambatan itu telah diubah suai menggunakan SAP 2000. Jambatan Kereta Api Guillemard di bawah beban gempa boleh diperolehi dengan menganalisis Analisis Getaran Percuma. Tujuannya adalah untuk memeriksa mengenai tahap sejauh manakah Jambatan Kereta Api Guillemard mampu bertahan di bawah pelbagai keamatan gempa bumi dan juga untuk mengenalpastikan bahagian jambatan yang paling kritikal di bawah pembebanan gempa bumi. Melalui keputusan yang didapati terdapat kegagalan tiang berlaku walaupun dalam gempa bumi yang mempunyai berkeamatan rendah. Gempa bumi berlaku pada datar-melintang memberi impak sangat kecil terhadap papak jambatan.




Selain itu, berdasarkan kajian lepas yang telah dibuat oleh Auni Amirah, (2015) iaitu dengan membuat tajuk kajian berkaitan pendidikan Jambatan Guillemard kepada pelajar tingkatan tiga melalui media Interaktif. Melalui kajian yang dibuat ini membincangkan mengenai Jambatan Guillemard yang memiliki nilai kepentingan sejarah yang tinggi terhadap Perang Dunia Kedua. Di samping itu, terdapat peristiwa yang dikatakan jambatan tersebut telah diletup semasa perang Dunia Kedua oleh pihak British. Namun, tiada juga maklumat yang agak jelas tetapi hanya sekeping gambar sahaja. Justeru, melalui kajian ini melalui pendidikan kini, jambatan ini antara salah satu yang perlu diperluas terhadap pelajar dengan lebih terperinci agar dapat dipelihara sejarah warisannya. Pendekatan secara pendidikan terhadap kajian ini juga memiliki potensi tinggi dalam membuka mata terhadap pelajar dan masyarakat umum terhadap perkembangan sejarah serta pemeliharaan yang sewajarnya dilakukan oleh pihak berkuasa dalam menjaga khazanah warisan negara itu.

Kajian lepas yang telah dibuat oleh Johan, Norhanim dan Mohamad (2016) iaitu mengkaji tentang tinggalan warisan di sepanjang Jalan Keretapi Tapah Road-Teluk Intan: Kajian Awalan dan potensi pemeliharaan. Kajian ini membincangkan mengenai sumbangan terhadap pembinaan jalan kereta api Tapah Road-Teluk Intan melalui perkembangan di bandar Teluk Intan hingga kini. Pembinaan jalan kereta api di Tanah Melayu yang berkembang dalam memenuhi kehendak dari pengembara Eropah untuk berehat di kawasan ini disamping membuka tanah baharu untuk tujuan pertanian. Di samping itu melalui kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetahui lokasi warisan berpotensi dalam pemeliharaan selain menjadi antara produk pelancongan warisan yang menarik dan boleh dikunjungi serta dilawati.

## 2.5 Pemeliharaan

Pemeliharaan bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang dan menyediakan struktur yang selamat dan kukuh tetapi tidak menjangkakan pembangunan semula yang penting termasuklah teknik membantutkan atau memperlahankan proses kemerosotan, reput atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur. Pemeliharaan juga melibatkan pembaikan keadaan struktur untuk menjadikannya selamat untuk didiami atau selainnya. Pemeliharaan termasuk pembaik pulih, pemeliharaan, pembinaan semula, pemulihan serta penyesuaian atau mana-mana gabungannya, dan pembaikan biasa dan kecil yang tidak mengubah rupa fabrik atau sejarah struktur.

Kajian terdahulu bertajuk "Melindungi Harta Warisan: Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemuliharaan dalam Pembangunan Negara" oleh Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot (2013) menjelaskan mengenai keberkesanan terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan serta sejauh mana usaha dan langkah yang dilakukan mempunyai kesan ke atas harta warisan negara.



Seterusnya, kajian lepas yang dibuat oleh Rosniza Aznie Che Rose dan Nur Athirah Khalid (2017) ialah “Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Kawasan UNESCO Georgetown, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan Berbincang Mengenai Bangunan Warisan”. Pengurusan pemuliharaan mengenai bangunan warisan yang terdapat di Kawasan UNESCO dan perbincangan telah dijalankan bersama peniaga juga pelancong tempatan tentang pemeliharaan bangunan warisan yang terdapat di Pulau Pinang sama ada dilakukan dengan terurus dan baik mahupun tidak. Melalui kajian ini dapat dilihat mengenai pengurusan pemuliharaan bangunan perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab apabila membangunkan pelan pengurusan pemuliharaan untuk bangunan bersejarah.

Daeng Haliza Daeng Jamal dan Zuliskandar Ramli (2021) dalam kajian "Pemuliharaan Beberapa Bangunan Bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas Penglibatan Komuniti Setempat dalam Suai Guna Semula telah menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai penglibatan oleh komuniti iaitu masyarakat setempat bagi melakukan pemuliharaan serta pemeliharaan bangunan bersejarah yang telah menggunakan pendekatan suai guna semula terhadap bangunan bersejarah. Hal ini dikatakan kerana komuniti setempat kebanyakan digalakkan dalam melibatkan diri disebabkan mereka juga tergolong oleh pihak terdekat yang dirujuk sebagai proses untuk melindungi harta warisan daripada menjadi kepupusan. Selain itu, kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini, dan data telah dianalisis melalui kaedah analisis tematik. Oleh itu, Kerangka Tangga Penyertaan Arnstein digunakan untuk menilai penglibatan komuniti dalam kajian ini. Keputusan tinjauan menunjukkan bahawa komuniti setempat di kawasan yang dikaji sangat komited kepada pemuliharaan serta pemeliharaan bangunan bersejarah melalui penyesuaian gunaan semula. Contohnya, Masjid Lama Kedai Mulong telah dibina semula daripada penduduk bagi melindungi rumah tradisional daripada ancaman daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat pihak yang boleh membantu dalam melindungi warisan tempatan, terutamanya bangunan bersejarah yang menjadi identiti bangsa.

MALAYSIA  
KELANTAN

Selain itu, menurut Azlan Shah Ali (2013) Pemeliharaan ialah proses melaksanakan tindakan atau tindakan untuk mengekalkan bentuk sedia yang ada, integriti juga bahan sesebuah bangunan mahupun struktur, serta untuk melindungi tapak. Proses ini termasuk penyelenggaraan berterusan dan penstabilan awal apabila perlu.

Pemeliharaan terhadap Jambatan Guillemard merupakan usaha yang penting untuk menjaga warisan bersejarah. Jambatan Guillemard memiliki ciri binaan yang klasik dan megah. Pada masa lampau, jambatan ini menjadi simbol kemajuan dan kebanggaan bagi masyarakat Kelantan. Keindahan bentuk binaan jambatan ini menarik perhatian dan menjadi daya tarikan bagi pengunjung serta menjadi objek fotografi yang viral. Selain menjadi laluan perhubungan yang penting, Jambatan Guillemard juga menjadi saksi perkembangan dan sejarah Kelantan. Jambatan ini menghubungkan kawasan bersejarah seperti Kota Bharu dengan kawasan-kawasan tradisional dan kampung-kampung yang kaya dengan warisan budaya. Jambatan ini juga merupakan bahagian penting dalam infrastruktur pengangkutan dan aktiviti ekonomi di daerah tersebut. Jambatan Guillemard menjadi lambang kemegahan bumi Kelantan dan menjadi penanda sejarah perkembangan wilayah tersebut. Pengunjung dapat menikmati keindahan pemandangan Sungai Kelantan dan sekitarnya, serta merasakan keunikan dan kekayaan budaya tempatan yang terdapat di sekitar jambatan ini. Oleh itu, diperlukan perhatian yang serius untuk menjaga dan memelihara keadaan Jambatan Guillemard ini agar tetap kukuh dan lestari.

Antaranya salah satu aspek penting dalam pemeliharaan adalah pembaikan struktur jambatan akibat penuaan atau kerosakkan material. Keretakan pada beton, karat pada baja, atau kerapuhan pada kayu dapat terjadi pada elemen struktural jambatan. Hal ini dapat mengurangi kekuatan dan kestabilan jambatan. Jambatan Guillemard juga akan mengalami kerosakan sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir, gempa bumi, atau tanah longsor. Kekuatan alam yang ekstrem dapat merusak struktur jambatan, menyebabkan retak, runtuh, atau bahkan putusnya jambatan.

Penting untuk melakukan pemeliharaan yang teratur dan perawatan yang tepat pada jambatan Guillemard di Tanah Merah guna menjaga keberlanjutan dan keamanannya. Monitoring rutin, perbaikan struktural, dan perlindungan terhadap faktor-faktor lingkungan dapat membantu mempertahankan integritas jambatan sepanjang masa.

Pemeliharaan terhadap Jambatan Guillemard adalah usaha yang berterusan dan memerlukan sokongan dan sumbangan daripada masyarakat setempat Tanah Merah Kelantan. Melibatkan komuniti dalam pemeliharaan dan kesedaran akan pentingnya menjaga jambatan bersejarah dapat memastikan kelestarian Jambatan Guillemard ini untuk generasi masa depan.

## 2.6 Penutup

Secara keseluruhannya, dalam bab 2 ini pengkaji banyak membincangkan mengenai sejarah Tanah Merah, kepentingan memelihara bangunan warisan, Jambatan Guillemard dan pemeliharaan. Oleh itu, garis panduan kajian adalah penting untuk digunakan sebagai asas untuk penulisan projek penyelidikan. Selain itu, hasil carian daripada pelbagai sumber rujukan ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat tentang subjek kajian. Pengkaji akan menumpukan lebih banyak perhatian pada metodologi kajian dalam bab yang akan datang. Mereka akan menerangkan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian.

## BAB TIGA

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Bab ketiga membincangkan metodologi kajian iaitu pendekatan atau proses pengumpulan data yang digunakan untuk menghasilkan kesimpulan yang boleh dipercayai untuk menyokong penyelidikan. Hornby (1985) menyatakan bahawa metodologi ialah proses yang digunakan untuk mengkaji subjek kajian. Bagi mendapatkan data tepat bagi setiap kajian, metodologi kajian jelas membantu pengkaji. Pengkaji akan mengumpul serta menganalisis data berkaitan tentang kajian dengan cara tertentu.

Di samping itu pengkaji akan menjadi lebih mudah dalam memperoleh maklumat yang lebih tepat serta terperinci melalui kaedah ini. Oleh itu, pengkaji merangka dan merancang terlebih dahulu agar data diperoleh tidak mempunyai masalah atau kesilapan sehingga boleh mengakibatkan kajian tidak menepati syarat serta tidak lengkap.



### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kaedah yang digunakan bagi pengkaji dalam memperoleh maklumat yang berkait mengenai kajian mereka dipanggil reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian membantu pengkaji mencari jawapan kepada persoalan kajian (Kerlinger, 1973). Selain itu, reka bentuk kajian adalah penting untuk memastikan data dikumpul adalah jitu dan tepat berkaitan isu terhadap permasalahan kajian.

Rekabentuk kajian berperanan bagi memudahkan pengkaji dalam penulisan dengan lebih teratur dan sistematik mengenai permasalahan bakal ditempuh oleh pengkaji. Melalui kajian atau kaedah mampu disimpulkan pengkaji hendaklah memilih kaedah yang sesuai mengenai kajian dijalankan iaitu kajian terhadap pelestarian khazanah warisan jambatan Guillemard bagi tujuan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif serta kuantitatif. Pemilihan bagi rekabentuk ini sesuai kerana membantu pengkaji bagi mencapai setiap objektif kajian dijalankan serta mampu membantu pengkaji untuk mendapatkan data dengan lebih mudah. Oleh itu, reka bentuk kajian dijalankan pengkaji yang menggunakan reka bentuk kajian campuran kualitatif serta kuantitatif. Oleh itu, jelaslah dilihat pemilihan rekabentuk yang sesuai mampu menyelesaikan masalah pengkaji untuk memperoleh dapatan kajian dengan sempurna.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian ialah proses diambil oleh pengkaji dalam mencapai setiap objektif kajian juga untuk menjawab pelbagai persoalan masalah kajian. Bagi kaedah kajian kes, seseorang pengkaji memerlukan maklumat secara terperinci. Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian serta soal selidik sebagai kaedah kualitatif yang mampu membantu pengkaji bagi mendapatkan segala data lengkap mengenai kajian yang dijalankan.

Cresswell (2011) menyatakan bahawa reka bentuk kajian campuran in terdiri daripada gabungan data kuantitatif dan kualitatif. Kaedah ini membantu peneliti memahami dan memberikan penjelasan yang lebih mendalam tentang subjek kajian.

#### **3.3.1 Kaedah Kualitatif**

Pengkaji menjalankan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Menurut Khan (2014), pendekatan kualitatif merupakan proses pemahaman yang menggunakan pelbagai pendekatan yang mengkaji isu sosial atau manusia. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji pergi ke tempat kajian pengkaji sendiri dalam mendapatkan maklumat mengenainya. Kaedah kualitatif membantu dalam menyoal secara luas. Menurut Hawa dan Santhiram (2000), kaedah kualitatif boleh menggalakkan timbulnya interaksi secara dekat dengan pihak responden disebabkan data diperoleh melalui interaksi merupakan maklumat langsung oleh informan itu sendiri. Kaedah kualitatif boleh dirujuk sebagai

data sekunder, iaitu, apabila pengkaji akan menganalisis pelbagai dokumen kajian sebelumnya.

Pemerhatian dan temu bual adalah kaedah kualitatif yang diguna bagi pengkaji. Pengkaji boleh memerhatikan keadaan yang sebenar di kawasan kajian. Di samping itu, menjalankan temu bual mampu membantu pengkaji dalam mendapatkan apa-apa maklumat yang berkaitan kajian daripada responden. Hal ini mampu membantu dalam mencapai setiap objektif kajian secara tidak langsung.



### 3.3.2 Kaedah Kuantitatif

Pengkaji menggunakan kaedah kajian kuantitatif dalam di mana kaedah ini digunakan dalam memperoleh data supaya mampu memperkuatkan dapatan kajian yang diperoleh. Kaedah kuantitatif menguji hipotesis kajian dengan mengkaji hubungan antara pembolehubah. Ukuran pembolehubah biasanya dilakukan dengan instrumen, jadi data yang berangka mampu dianalisis dengan langkah statistik serta ketepatan data (Creswell, 2014). Kaedah kuantitatif juga tidak memiliki unsur sebagai contoh bias kerana tidak berlaku disebabkan setiap hasil kajian diperoleh berdasarkan data yang telah dikumpul. Jelaslah, kaedah kuantitatif sesuai digunakan bagi mencapai objektif kedua iaitu tentang mengkaji aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard. Pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik dalam kaedah kuantitatif ini. Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik berstruktur kepada orang yang pernah melawat Jambatan Guillemard Tanah Merah Kelantan. Data yang tepat serta boleh dipercayai juga sah boleh diberikan kepada pengkaji melalui kaedah survey ini. Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik secara bersemuka serta melalui platform Google Forms. Dengan berpandukan jadual Krejcie & Morgan (1970), pengkaji memantau jumlah responden yang akan menjawab soal selidik untuk memastikan sasaran yang ditarget telah dicapai atau tidak.

### 3.4 Unit Analisis

Setiap pengkaji mesti menyelidik unit analisis dengan lebih mendalam. Unit analisis ini juga melibatkan subjek dikaji iaitu seperti manusia, lokasi, organisasi serta lainlain. Kajian ini memberi tumpuan terhadap pelestarian khazanah warisan jambatan Guillemard bagi tujuan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat. Unit analisis bagi kajian ini yang digunakan iaitu lokasi kajian ialah di Jambatan Guillemard yang terletak di Tanah Merah, Kelantan. Pengkaji memilih lokasi ini kerana ia berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji dan kerana ia adalah antara bangunan atau jambatan bersejarah yang sering dilawati oleh pelancong dan masyarakat setempat. Tambahan pula, peneliti telah menumpukan perhatian terhadap individu berkaitan dengan objektif kajian iaitu pelawat yang pernah melawat Jambatan ini. Oleh itu, pelawat dan masyarakat yang pergi ke bangunan bersejarah ini adalah elemen penting dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

### **3.5 Teknik Pengumpulan Data**

Semasa menjalankan kajian, Teknik bagi pengumpulan data membantu pengkaji mengumpulkan data atau maklumat. Untuk mendapatkan data kajian yang paling berkesan, maklumat dan data ini akan dikumpulkan dengan teliti. Data primer dan data sekunder adalah dua sumber yang berbeza yang digunakan melalui kajian ini. Pengkaji akan menggunakan kaedah kuantitatif untuk menjalankan kajian mereka. Untuk menjalankan kajian ini juga pengkaji akan memberikan responden borang soal selidik untuk menjawab soalan mengenai aspek pemeliharaan jambatan Guillemard di Tanah Merah Kelantan.

#### **3.5.1 Data Primer**

Data primer ditakrifkan sebagai data dikumpul bagi menjawab setiap soalan kajian dan berasal dari sumber asli (Yusof 2003). Kajian lapangan seperti pemerhatian dan temu bual adalah cara pengkaji mendapatkan data ini. Melalui temu ramah atau temu bual yang lebih mendalam dengan individu yang terlibat dalam kajian yang sedang dijalankan, pengkaji juga mendapatkan maklumat daripada sumber data primer ini.

## I. Temubual

Dalam setiap kajian, kaedah temu bual ini digunakan bagi memperoleh pelbagai maklumat daripada responden tentang subjek kajian. Untuk mengelakkan salah tafsir dan salah anggap semasa temu bual, pengkaji akan menemubual ahli jawatankuasa pengurusan Jambatan Guillemard dan memastikan maklumat disimpan. Selain itu, untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian yang dikaji, pengkaji akan melakukan temu bual dengan pengunjung atau masyarakat setempat.

## II. Pemerhatian

Di kawasan Jambatan Guillemard, pengkaji akan membuat pemerhatian. Pemerhatian membantu pengkaji mendapatkan maklumat serta memerhati keadaan kawasan kajian secara peribadi. Selain itu, kaedah pemerhatian ini membolehkan pengkaji untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang keadaan yang akan digambarkan oleh responden.

### III. Soal Selidik

Pengkaji akan mengumpul data daripada pelawat Jambatan Guillemard Tanah Merah, Kelantan dan penduduk tempatan. Soal selidik mempunyai set soalan tertutup dengan jawapan yang disediakan juga hanya perlu menandakannya. Pengkaji akan mendapat lebih mudah untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai kajian ini melalui proses ini. Pengkaji memerlukan maklumat daripada responden untuk mencapai matlamat kajian.

#### 3.5.2 Data Sekunder

Data dikumpul oleh pengkaji yang lain dikenali sebagai data sekunder (Marican 2005). Rujukan melalui sumber ilmiah membentuk data sekunder ini. metodologi perpustakaan, penyelidikan lepas serta sebagainya. Selain itu, melalui data sekunder pengkaji menggunakan internet, sumber yang mudah diakses dan berguna bagi memperoleh dan mendapatkan data maklumat berkaitan dengan kajian. Selain itu, untuk mendapatkan maklumat awal kajian, pengkaji juga menggunakan buku-buku di perpustakaan untuk mendapatkan data. Selain itu, pengkaji memperoleh maklumat daripada pelbagai jurnal yang mampu digunakan menjadi rujukan semasa menyelesaikan kajian.



## I. Sumber Internet

Sumber rujukan paling penting bagi pengkaji dalam memperoleh maklumat mengenai kajian ialah internet. Melalui laman web seperti Google Scholar dan Search, research gate, dan laman web rasmi sebagai contoh blog. Pengkaji boleh mendapatkan maklumat tentang kajian dijalankan. Pengkaji mendapati bahawa maklumat yang mereka perolehi daripada internet ini adalah benar daripada penulis asal.

## II. Jurnal

Selain itu, pengkaji mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian dengan menggunakan sumber rujukan dalam jurnal. Ini disebabkan oleh fakta bahawa jurnal adalah antara rujukan yang dipercayai serta boleh digunakan menjadi rujukan lengkap oleh pengkaji. Majoriti jurnal yang telah dirujuk bercorak umum serta boleh digunakan sebagai rujukan oleh pengkaji.

### III. Surat Khabar Online

Pengkaji memperoleh pelbagai maklumat tentang kajian yang dijalankan melalui surat khabar secara dalam talian. Berita adalah sahih juga sesuai bagi rujukan. Terdapat pelbagai isu yang berkaitan tentang pengurusan bangunan bersejarah yang digunakan sebagai rujukan oleh pengkaji.

### 3.6 Pensampelan

Pensampelan ialah kaedah di mana bahagian kecil populasi telah dipilih bagi mengkaji dalam membolehkan generalisasi mengenai populasi (Sheffie, 1991). Pengkaji akan mendapat manfaat daripada mengumpul data daripada responden melalui pensampelan ini. Pensampelan kebarangkalian serta bukan kebarangkalian berbeza. Untuk menjalankan kajian kualitatif, pengkaji menjalankan sampel tanpa kebarangkalian, iaitu *snowball* atau bola salji. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa pensampelan dinyatakan adalah selaras terhadap kajian yang sedang dijalankan.

Pensampelan ini bukan sahaja ditentukan oleh protocol namun sesiapa sahaja mampu untuk menjadi sampel kajian. Oleh itu, pensampelan secara kebetulan memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data serta maklumat. Selepas itu, pengkaji juga menggunakan teknik pensampelan *snowball*, juga dikenali sebagai bola salji, kerana cara bola salji bergerak menghasilkan bentuk yang besar. Dalam kajian ini, perkara yang sama akan berlaku pengkaji akan mula mengumpul data dan akan berhenti mengumpulnya apabila cukup untuk memenuhi objektif kajian.

Dalam kaedah kuantitatif, pengkaji akan menggunakan sampel probabiliti, atau sampel rawak mudah. Pengkaji memberi set soalan borang soal selidik kepada individu yang telah melawat Jambatan Guillemard di Tanah Merah Kelantan atau kepada komuniti setempat. Jumlah responden soal selidik bergantung kepada jumlah orang yang datang ke kajian melalui jadual atau meja penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970).

### 3.7 Analisis Data

Data yang diperoleh akan menggunakan kaedah deskriptif bagi menganalisis data dikumpul oleh soal selidik secara tidak bersemuka kepada penduduk yang pernah pergi ke Jambatan Guillemard di Kelantan bagi kedua-dua objektif tersebut. Analisis deskriptif melibatkan pengumpulan iaitu menggambarkan peristiwa kemudian mengatur, membuat jadual dan menerangkan pengumpulan data tersebut (Glass & Hopkins,1984). Data diperoleh daripada analisis yang menggunakan kekerapan, peratusan, jadual, dan graf akan dialihkan ke dalam bentuk jadual bagi memudahkan kerja pengkaji. Terdapat dua topik yang dianalisis iaitu sejarah penubuhan Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan dan aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard.

Analisis tematik adalah kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif dan membantu dalam mengumpul data deskriptif untuk menjawab soalan kajian. Untuk kajian ini, analisis tematik digunakan untuk memastikan susunan dan urutan data yang betul. Mereka akan mengulangi data untuk menemui corak tema dan subtema, yang membolehkan mereka menggunakan keputusan kajian sebagai bukti yang kukuh.




Foto 3.1 : Proses Analisis Data oleh Clarke & Braun (2006)

Sumber: Google (<https://www.maxqda.com/blogpost/thematic-analysis-with-maxqda-step-by-step-guide>)

### 3.8 Penutup

Akhir sekali, bahagian ini membincangkan mengenai metodologi kajian. Pilihan metodologi yang betul akan memudahkan pengkaji dalam menyelesaikan kajian. Seterusnya, pemilihan metodologi kajian yang sesuai adalah penting. Hal ini kerana satu-satunya cara untuk membantu pengkaji adalah dengan menghasilkan hasil kajian yang berkualiti tinggi. Metodologi adalah merangkumi reka bentuk kajian, unit analisis, jenis kaedah kajian, teknik pengumpulan data iaitu terbahagi kepada data primer dan data sekunder, persampelan dan analisis data. Selain itu, kaedah pengumpulan kajian dan cara dalam menganalisis data merupakan elemen penting yang perlu dipandang serius bagi membantu pengkaji dalam memastikan pencarian maklumat dan pembahagian data dilakukan dengan teliti dan terperinci agar mendapatkan hasil kajian yang berkualiti tinggi.

## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab 4 membincangkan hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan beserta metodologi kajian yang digunakan untuk pengumpulan hasil kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif berupaya dalam menyelesaikan persoalan kajian juga menepati objektif kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan borang soal selidik bagi mendapatkan data yang baru. Untuk objektif yang pertama ialah mengenalpasti sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan yang telah pengkaji laksanakan dengan menggunakan kaedah temubual pihak Majlis Daerah Tanah Merah. Bagi objektif kedua dan ketiga iaitu mengkaji aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard serta menganalisis impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat telah diedarkan borang soal selidik menggunakan skala Likert dan borang inventori.

## 4.2 Latar Belakang Demografi Responden

Pengkaji telah menemubual Encik Ahmad Azrin Bin Aziz, pegawai di bahagian Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Daerah Tanah Merah, untuk melengkapkan objektif kajian. Pengkaji telah mengadakan temu bual secara bersemuka di Pejabat Majlis Daerah Tanah Merah pada hari Ahad, 19 Disember 2023, pada jam 11 pagi.

## 4.3 Sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard, Tanah Merah Kelantan.

### 4.3.1 Sejarah penubuhan Jambatan Guillemard Tanah Merah, Kelantan

Hasil dari temu bual yang telah dijalankan bersama informan dari Majlis Daerah Tanah Merah yang merupakan seorang Pegawai Perancang Bandar dan Desa mengenai sejarah penubuhan Jambatan Guillemard, Tanah Merah, Kelantan ini telah menjawab kepada objektif pertama pengkaji dalam kajian yang dijalankan.

Menurut informan Majlis Daerah Tanah Merah yang merupakan seorang Pegawai di sana bersetuju untuk ditemubual dengan persoalan yang telah dikemukakan iaitu berkenaan dengan Kajian Pelestarian Khazanah Warisan Jambatan Guillemard Bagi Tujuan Pemeliharaan yang Memberi Impak Kepada Masyarakat Setempat Di Tanah Merah, Kelantan.

“Sejarah asalnya ditubuhkan untuk sebagai jaringan pengangkutan daripada sebelah Machang dan menghubungkan ke Tanah Merah dan seterusnya ke stesen Tumpat. Okey sebenarnya untuk mengangkut hasil bijih besi ketika tu la. Sebab dulu Temangan tu antara pusat perlombongan bijih besi utama dan dibawa kepada pengkalan ataupun macam mini port di Tumpat. Haa jadi untuk cross Machang ke Tumpat tu kena cross Sungai Kelantan dan di Sungai Kelantan tu la ada keperluan untuk bina jambatan ataupun “gertok” okey jadi maka disitu tertubuhnya idea untuk buat Jambatan Guillemard pada tahun 1920. ”

(Informan 1. Kajian Lapangan Disember, 2023)

Berdasarkan petikan di atas, sejarah penubuhan utama Jambatan Guillemard adalah disebabkan penghasilan pusat perlombongan bijih besi yang utama ketika itu dan sekali gus mewujudkan keperluan bagi membina sebuah Jambatan Guillemard bagi menghubungkan jaringan pengangkutan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat Di Tanah Merah, Kelantan.

Berdasarkan temu bual bersama informan dari Majlis Daerah Tanah Merah. Beliau menyatakan bahawa nama Guillemard itu diambil sempena Residen British yang ditempatkan di Tanah Melayu iaitu Sir Laurance Guillemard dan dibina pada April 1920. Jambatan itu mengambil masa lebih kurang 4 tahun. Semasa pembinaan tersebut, berlakunya masalah yang mungkin berpunca daripada halangan cuaca, peperangan dan sebagainya sehingga menyebabkan pembinaannya mengambil masa yang agak lewat. Dibuka secara rasmi pada 19 Julai 1924 dan menjelang 19 Julai 2024 akan menyambut usia 100 tahun Jambatan Guillemard tersebut. Menurut informan, Jambatan Guillemard juga berfungsi sebagai pengangkutan ataupun struktur yang menghubungkan Machang dengan Tanah Merah ke semua jenis pengangkutan seperti keretapi, lori, kereta, beca, basikal yang turut menjadi laluan di situ sebelum siapnya jambatan Kusial tahun 80-an dimana sebelum 80an semua kenderaan beroda lalu di sini. Hal ini dikatakan demikian



kerana kewujudan sistem ketika itu menyebabkan keretapi yang lalu dibuka laluan dan menyekat kenderaan biasa untuk laluan.

#### 4.3.2 Susur galur masa Jambatan Guillemard Tanah Merah

Menurut informan, mengikut sejarah pada tahun 1924 jambatan tersebut beroperasi baik dan dirasmikan oleh Sultan Ismail Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad IV pada tahun 1925. Pada 1941 dimana Jepun mendarat di Sabak sehingga semakin mara ke sebelah Hulu dan menyebabkan British mengebom sebahagian jambatan untuk menyekat kemaraan Jepun pada 11 Disember 1941. Di samping itu, apabila berlakunya musim air surut meninggalkan kesan dan serpihan jambatan lama yang ada jatuh kebawah pada tahun sekitar 1948 kerana di bom dan selepas pendudukan Jepun tamat, dibaiki semula oleh Kerajaan British ketika itu pada tahun 1948. Apabila Jepun menyerah kalah pada 1941, British kembali semula kerana masih ada keperluan untuk membaiki jambatan dan siap sepenuhnya pada 7 September 1948. Oleh itu, sekali lagi dirasmikan oleh Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad IV. Pada 1 Februari 1988, setelah pembinaan jambatan baru siap dibina di kawasan berdekatan, Jambatan Guillemard tidak lagi digunakan untuk kenderaan bermotor dan kini ia hanya digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu sahaja. Seterusnya, Jambatan Guillemard mengalami beberapa kali dilanda banjir bah besar pada tahun 2014 dan dikatakan hanya beberapa inci lagi air sungai hampir mencecah paras bawah Jambatan Guillemard.




Foto 4.1: Jambatan Guillemard ketika dibom

Sumber: Arkib Negara, 2008




Foto 4.2: Jambatan Guillemard selepas dibaiki

Sumber: Arkib Negara, 2008

#### 4.3.3 Pihak yang bertanggungjawab dalam penubuhan Jambatan Guillemard

Seperti yang kita tahu, pelbagai pihak yang bertanggungjawab dan berperanan penting dalam membina sesebuah bangunan dimana penting bagi semua pihak yang terlibat dalam penubuhan jambatan ini untuk bekerjasama secara efektif dan saling membantu dalam menjalankan tugas mereka untuk memastikan penubuhan Jambatan Guillemard ini berjaya.

Menurut informan dari Majlis Daerah Tanah Merah iaitu Encik Ahmad Azrin Bin Aziz, bersetuju menjawab persoalan seterusnya mengenai pihak yang bertanggungjawab dalam penubuhan Jambatan Guillemard.

"Sebenarnya Kerajaan British la ketika tu dengan fund ataupun bajet daripada Federated Malay States Railway yang membuat kerja rekabentuk kejuruteraan bermula daripada binaan sampai siap la daripada (FMSR) lagi. Kontraktor utama pada ketika tu adalah The Metro Carriage Wagon & Finance Company Limited, Syarikat yang berpangkalan di England. "

(Informan 1. Kajian Lapangan Disember, 2023)

Menurut wawancara yang dilakukan oleh pengkaji dengan informan, pelbagai pihak memainkan peranan penting sebelum penubuhan jambatan ini. Arkitek, jurutera, dan pakar profesional lain yang terlibat dalam pemuliharaan dan pembangunan Jambatan Guillemard memainkan peranan penting dalam menyediakan reka bentuk dan nasihat teknikal yang tepat. Mereka harus memastikan pemahaman mendalam tentang sejarah, struktur, dan bahan jambatan untuk memastikan kebolegunaan dan keaslian jambatan dipelihara. Di samping itu, menurut informan pihak kerajaan dan sultan Kerajaan pada ketika itu la yang diketuai oleh pihak berperanan dalam merestui pembinaan jambatan keretapi pada ketika itu.

MALAYSIA

KELANTAN

4.3.4 Pemeliharaan bagi memastikan aspek keselamatan pengunjung dan mempromosikan Jambatan Guillemard sebagai kawasan pelancongan warisan

Dapat dilihat, pihak Majlis Daerah Tanah Merah memainkan peranan penting dalam memastikan aspek keselamatan pengunjung yang datang terjaga dengan baik. Pelbagai langkah proaktif yang telah dilakukan untuk menjaga keselamatan para pengunjung yang datang ke Jambatan Guillemard menikmati hasil fasiliti-fasiliti yang ada di sana.

"MDTM mengambil langkah dengan memajukan sedikit tanah Kerajaan berhampiran dengan Jambatan Guillemard tu untuk buat taman. Taman tu MDTM namakan sebagai *Guillemard View @* Kusial. Taman tu setakat sekarang ni MDTM baru *occupy* lebih kurang dalam 1 ekar setengah la. Sebenarnya tanah tu memanjang lebih kurang 11 ekar sampai ke pekan Kusial. Untuk fasa 1 itu la sebagai mana di tapak taman tu cuma sekarang ni MDTM membuat pembaikan tebing dan juga kiosk kontena serta dengan *playground* untuk fasa berikutnya"

(Informan 1. Kajian Lapangan Disember, 2023)

Melalui kenyataan informan juga, pihak Majlis Daerah dan Tanah mempromosikan Jambatan Guillemard dengan mengadakan aktiviti sukan larian Guillemard sempena Jambatan Guillemard agar memberi pendedahan kepada pengunjung. Selain itu, mengangkat permohonan projek dengan mempromosi pembangunan *Guillemard View* Fasa 2 mengguna pakai peruntukkan daripada Jabatan Landskap Negara seperti penubuhan dataran, kioks dan laluan pejalan kaki.

#### 4.4 Latar Belakang Demografi Responden

Dalam bahagian ini terdapat maklumat mengenai latar belakang setiap individu yang telah diminta untuk menyumbang kepada kejayaan kajian ini. Kajian ini melibatkan seramai 200 orang yang menjawab soalan yang berkaitan dengan elemen pemeliharaan Jambatan Guillemard dan kesan pemeliharaan terhadap masyarakat setempat. Borang soal selidik telah dihantar oleh pengkaji. Maklumat yang terdapat dalam bahagian tersebut adalah jantina responden, umur, bangsa, status, taraf pekerjaan dan pendidikan bagi responden yang terlibat dalam soal selidik ini dan ianya telah diterjemahkan dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan di bawah:

Jadual 4.4 (a): Frekuensi Responden Mengikut Jantina

		<b>Jantina</b>			
		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Lelaki	98	49.0	49.0	49.0
	Perempuan	102	51.0	51.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.4 (b): Frekuensi Responden Mengikut Umur

		<b>Umur</b>			
		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	19 Tahun - 29 Tahun	98	49.0	49.0	49.0
	30 Tahun - 49 Tahun	59	29.5	29.5	78.5
	50 Tahun - 59 Tahun	40	20.0	20.0	98.5
	60 Tahun ke atas	3	1.5	1.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.4 (c): Frekuensi Responden Mengikut Bangsa

		<b>Bangsa</b>			
		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Melayu	131	65.5	65.5	65.5
	Cina	30	15.0	15.0	80.5
	India	37	18.5	18.5	99.0
	Lain-lain	2	1.0	1.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.4 (d): Frekuensi Responden Mengikut Status

		<b>Status</b>			
		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Bujang	117	58.5	58.5	58.5
	Bekahwin	83	41.5	41.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.4 (e): Frekuensi Responden Mengikut Pekerjaan

		<b>Pekerjaan</b>			
		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sektor Kerajaan	38	19.0	19.0	19.0
	Sektor Swasta	32	16.0	16.0	35.0
	Bekerja Sendiri	43	21.5	21.5	56.5
	Pelajar	69	34.5	34.5	91.0
	Tidak Bekerja	18	9.0	9.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

MALAYSIA

KELANTAN

#### **4.5 Aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard: Dari responden masyarakat**

Aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard merupakan objektif kedua yang dikaji oleh pengkaji dan dianalisis mengikut dapatan kajian. Pemeliharaan yang dijalankan di Jambatan Guillemard dalam menjaga warisan memainkan peranan penting bagi melestarikan, melindungi dan mempromosikan warisan budaya agar dapat membangun kesedaran masyarakat dalam usaha melestarikannya.

##### **4.5.1 (a) Lakukan pemeriksaan rutin secara berkala untuk mengesan kemungkinan kerosakan dalam struktur jambatan**

Berdasarkan jadual 4.5.1 (a), majoriti pengunjung bersetuju mengenai aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard yang dinyatakan bagi pernyataan di atas. Bagi soalan yang pertama iaitu " Lakukan pemeriksaan rutin secara berkala untuk mengesan kemungkinan kerosakan dalam struktur jambatan." Majoriti seramai 71 orang responden iaitu bersamaan (35.3%) yang memilih "Setuju", manakala bagi "Sangat Setuju" seramai 65 orang responden iaitu bersamaan (32.5%) memilihnya. Bagi "Sederhana Setuju" seramai 61 orang iaitu (30.5%) yang memilihnya. Seterusnya, bagi "Sangat Tidak Setuju" tiada responden, manakala untuk "Tidak Setuju" seramai 3 orang iaitu bersamaan (1.5%) sahaja.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	3	1.5	1.5	1.5
	Sederhana setuju	61	30.5	30.5	32.0
	Setuju	71	35.5	35.5	67.5
	Sangat setuju	65	32.5	32.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.5.1 (a): Lakukan pemeriksaan rutin secara berkala untuk mengesan kemungkinan kerosakan dalam struktur jambatan

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.5.1 (b) Menjalankan penyelenggaraan pada bahagian yang rosak seperti menggantikan atau memperbaiki komponen yang rosak.

Berdasarkan jadual 4.5.1 (b) menunjukkan bagi pertanyaan “Menjalankan penyelenggaraan pada bahagian yang rosak seperti menggantikan atau memperbaiki komponen yang rosak.”. Kebanyakan pengunjung memilih skala “Setuju” dan memperolehi angka paling tinggi iaitu sebanyak 84 orang responden bersamaan (42.0%). Seterusnya bilangan responden menjawab "Sangat setuju" seramai 65 orang iaitu bersamaan (32.5%). Manakala bilangan responden bagi "Sederhana Setuju" seramai 49 orang responden iaitu bersamaan (24.5%). Seterusnya untuk bilangan responden "Tidak Setuju" seramai 1 orang (5%) dan "Sangat Tidak Setuju" 1 orang responden iaitu sebanyak (0.5%) responden. Jumlah paling banyak dalam rajah di atas ialah setuju.



Terdapat 84 orang responden (42.0%) dan bilangan responden yang kedua banyak ialah sangat setuju iaitu seramai 65 orang (32.5%).

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Sederhana setuju	49	24.5	24.5	25.5
	Setuju	84	42.0	42.0	67.5
	Sangat setuju	65	32.5	32.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.5.1 (b): Menjalankan penyelenggaraan pada bahagian yang rosak seperti menggantikan atau membaiki komponen yang rosak.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.5.1 (c) Membersih keluaran bahan terkumpul di sekeliling jambatan seperti sampah dan tumbuhan liar.

Berdasarkan jadual 4.4.1 (c) dibawah bagi pernyataan " Membersih keluaran bahan terkumpul di sekeliling jambatan seperti sampah dan tumbuhan liar." Ramai responden yang memilih "Setuju" iaitu sebanyak 86 orang iaitu bersamaan (43.0%). Manakala bagi "Sangat Setuju" seramai 80 orang iaitu bersamaan (40.0%). Responden yang menjawab "Sederhana Setuju" adalah seramai 33 orang iaitu peratusan (16.5%) responden. Bilangan orang responden yang memilih "Tidak Setuju" adalah sebanyak 1 orang bersamaan (0.5%) responden. Tetapi bagi skala "Sangat Tidak Setuju" tiada responden.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Sederhana setuju	33	16.5	16.5	17.0
	Setuju	86	43.0	43.0	60.0
	Sangat setuju	80	40.0	40.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.5.1 (c): Membersih keluaran bahan terkumpul di sekeliling jambatan seperti sampah dan tumbuhan liar

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.5.1 (d): Sistem saliran jambatan mesti diselenggara untuk mengelakkan takungan air yang boleh merosakkan substruktur jambatan.

Berdasarkan jadual 4.5.1 (d) diatas bagi pernyataan " Sistem saliran jambatan mesti diselenggara untuk mengelakkan takungan air yang boleh merosakkan substruktur jambatan." Ramai responden yang memilih "Sangat setuju" iaitu sebanyak 96 orang iaitu bersamaan (48.0%). Manakala bagi "Setuju" seramai 81 orang iaitu bersamaan (40.5%). Responden yang menjawab "Sederhana Setuju" adalah seramai 22 orang iaitu peratusan (11.0%) responden. Bagi skala "Tidak Setuju" tiada responden. Tetapi bagi skala "Sangat Tidak Setuju adalah sebanyak 1 orang bersamaan (0.5%) responden.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	22	11.0	11.0	11.5
	Setuju	81	40.5	40.5	52.0
	Sangat setuju	96	48.0	48.0	100.0
Jumlah		200	100.0	100.0	

Jadual 4.5.1 (d): Sistem saliran jambatan mesti diselenggara untuk mengelakkan takungan air yang boleh merosakkan substruktur jambatan.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.5.1 (e): Memeriksa dan menyelenggara struktur sokongan seperti tiang dan asas untuk memastikan kestabilan jambatan.

Berdasarkan jadual 4.5.1 (e) dibawah bagi pernyataan "Memeriksa dan menyelenggara struktur sokongan seperti tiang dan asas untuk memastikan kestabilan jambatan." Ramai responden yang memilih "Setuju" iaitu sebanyak 90 orang iaitu bersamaan (45.0%). Manakala bagi "Sangat setuju" seramai 79 orang iaitu bersamaan (39.5%). Responden yang menjawab "Sederhana Setuju" adalah seramai 29 orang iaitu peratusan (14.5%) responden. Bagi skala "Tidak Setuju" tiada responden. Tetapi bagi skala "Sangat Tidak Setuju" adalah sebanyak 2 orang bersamaan (1.0%) responden.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	2	1.0	1.0	1.0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	29	14.5	14.5	15.5
	Setuju	90	45.0	45.0	60.5
	Sangat setuju	79	39.5	39.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.5.1 (e): Memeriksa dan menyelenggara struktur sokongan seperti tiang dan asas untuk memastikan kestabilan jambatan.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.5.1 (f): Lakukan pembaikan segera jika didapati kerosakan yang boleh membahayakan keselamatan pengguna.

Berdasarkan jadual 4.5.1 (f) dibawah bagi pernyataan " Lakukan pembaikan segera jika didapati kerosakan yang boleh membahayakan keselamatan pengguna." Ramai responden yang memilih "Setuju" iaitu sebanyak 94 orang iaitu bersamaan (47.0%). Manakala bagi "Sangat setuju" seramai 76 orang iaitu bersamaan (38.0%). Responden yang menjawab "Sederhana Setuju" adalah seramai 27 orang iaitu peratusan (13.5%) responden. Bagi skala "Tidak Setuju" hanya 2 orang responden sahaja iaitu bersamaan (1.0%). Tetapi bagi skala "Sangat Tidak Setuju" pula adalah sebanyak 1 orang bersamaan (0.5%) responden.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Tidak setuju	2	1.0	1.0	1.0
	Sederhana setuju	27	13.5	13.5	15.0
	Setuju	94	47.0	47.0	62.0
	Sangat setuju	76	38.0	38.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.5.1(f): Lakukan pembaikan segera jika didapati kerosakan yang boleh membahayakan keselamatan pengguna.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### **4.6 Impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat: Dari responden masyarakat.**

Pemeliharaan Jambatan Guillemard memberi impak yang signifikan kepada masyarakat setempat. Dalam konteks pemeliharaan jambatan, adalah penting bagi pihak yang bertanggungjawab untuk melibatkan komuniti tempatan dalam proses membuat keputusan, memastikan kepentingan dan keperluan dalam memaklumkan kepada mereka mengenai projek yang sedang dijalankan. Bagi objektif ketiga dianalisis mengikut dapatan kajian seperti yang dinyatakan di bawah.

4.6.1 (a) Masyarakat akan lebih minat untuk mengetahui tentang kewujudan sejarah penubuhan Jambatan Guillemard.

Jadual 4.6.1 (a) menunjukkan dapatan kajian bagi impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat. “Masyarakat akan lebih minat untuk mengetahui tentang kewujudan sejarah penubuhan Jambatan Guillemard.” sangat jelas ramai Masyarakat yang berkunjung ke Jambatan Guillemard iaitu seramai 81 responden iaitu (40.5%) telah memilih 'Setuju' dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala ‘Sangat setuju’ mencatat angka yang paling tinggi untuk melawati kawasan jambatan bersejarah iaitu sebanyak 94 responden bersamaan (47.0%). Seramai 25 responden bersamaan (12.5%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, tiada responden bagi skala ‘Tidak setuju’ dan ‘Sangat tidak setuju’. Kebanyakan responden telah memilih berminat untuk mengunjung ke jambatan bersejarah kerana mereka mungkin lebih meminati mengetahui tentang kewujudan sejarah penubuhan Jambatan Guillemard.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	25	12.5	12.5	12.5
	Setuju	81	40.5	40.5	53.0
	Sangat setuju	94	47.0	47.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (a): Masyarakat akan lebih minat untuk mengetahui tentang kewujudan sejarah penubuhan Jambatan Guillemard.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (b) Penubuhan Jambatan Guillemard mampu menyebarkan ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat seperti sejarah Jambatan Guillemard.

Jadual 4.6.1 (b) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Penubuhan Jambatan Guillemard mampu menyebarkan ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat seperti sejarah Jambatan Guillemard.” Menunjukkan bahawa ramai yang memilih “Setuju” iaitu seramai 99 responden iaitu (49.5%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala ‘Sangat setuju’ mencatat angka yang kedua tinggi untuk melawati kawasan jambatan bersejarah iaitu sebanyak 79 responden bersamaan (39.5%). Seramai 21 responden bersamaan (10.5%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, seorang sahaja yang memilih skala ‘Tidak setuju’ iaitu bersamaan (0.5%) dan tiada responden bagi skala “Sangat tidak setuju”. Dengan adanya penubuhan Jambatan Guillemard mampu menyebarkan ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat tentang jambatan bersejarah dan warisan.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Sederhana setuju	21	10.5	10.5	11.0
	Setuju	99	49.5	49.5	60.5
	Sangat setuju	79	39.5	39.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (b): Penubuhan Jambatan Guillemard mampu menyebarkan ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat seperti sejarah Jambatan Guillemard.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (c) Menjadikan Jambatan Guillemard sebagai salah satu kunjungan yang bermanfaat serta menjadikan sebagai khazanah warisan negara.

Jadual 4.6.1 (c) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Menjadikan Jambatan Guillemard sebagai salah satu kunjungan yang bermanfaat serta menjadikan sebagai khazanah warisan negara.” Menunjukkan bahawa ramai yang memilih “Sangat setuju” iaitu seramai 103 responden iaitu (51.5%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala ‘Setuju’ mencatat angka yang kedua tinggi iaitu sebanyak 85 responden bersamaan (42.5%). Manakala seramai 11 responden bersamaan (5.5%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, seorang sahaja yang memilih skala ‘Tidak setuju’ iaitu bersamaan (0.5%) dan tiada responden bagi skala “Sangat tidak setuju”. Jelaslah disini kita dapat lihat menjadikan Jambatan Guillemard sebagai salah satu kunjungan yang bermanfaat serta menjadikan sebagai khazanah warisan negara kepada masyarakat.



		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Sederhana setuju	11	5.5	5.5	6.0
	Setuju	85	42.5	42.5	48.5
	Sangat setuju	103	51.5	51.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (c): Menjadikan Jambatan Guillemard sebagai salah satu kunjungan yang bermanfaat serta menjadikan sebagai khazanah warisan negara.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (d) Jambatan Guillemard dapat menarik minat golongan masyarakat untuk mengetahui keunikan seni bina terdahulu.

Jadual 4.6.1 (d) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Jambatan Guillemard dapat menarik minat golongan masyarakat untuk mengetahui keunikan seni bina terdahulu.” Menunjukkan bahawa ramai yang memilih “Sangat setuju” iaitu seramai 92 responden iaitu (46.0%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala ‘Setuju’ mendapat angka yang paling tertinggi iaitu sebanyak 98 responden bersamaan (49.0%). Manakala seramai 10 responden bersamaan (5.0%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, tiada responden bagi skala “Tidak setuju” dan “Sangat tidak setuju”. Jelaslah disini kita dapat lihat Jambatan Guillemard dapat menarik minat golongan masyarakat untuk mengetahui keunikan seni bina terdahulu kerana seni bina sekarang tidak sekukuh binaan yang terdahulu.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	10	5.0	5.0	5.0
	Setuju	98	49.0	49.0	54.0
	Sangat setuju	92	46.0	46.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (d): Jambatan Guillemard dapat menarik minat golongan masyarakat untuk mengetahui keunikan seni bina terdahulu.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (e) Penubuhan Jambatan Guillemard mampu membuka mata masyarakat tentang keunikan struktur binaan, peristiwa dan sebagainya.

Jadual 4.6.1 (e) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Penubuhan Jambatan Guillemard mampu membuka mata masyarakat tentang keunikan struktur binaan, peristiwa dan sebagainya.” Menunjukkan bahawa majoriti responden yang memilih “Sangat setuju” iaitu seramai 104 responden iaitu (52.0%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 86 responden bersamaan (43.0%). Manakala seramai 10 responden bersamaan (5.0%) yang memilih “Sederhana setuju”. Namun demikian, tiada responden bagi skala “Tidak setuju” dan “Sangat tidak setuju”. Jelaslah bahawa Penubuhan Jambatan Guillemard mampu membuka mata masyarakat tentang keunikan struktur binaan, peristiwa dan sebagainya di masa hadapan.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	10	5.0	5.0	5.0
	Setuju	86	43.0	43.0	48.0
	Sangat setuju	104	52.0	52.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (e): Penubuhan Jambatan Guillemard mampu membuka mata masyarakat tentang keunikkan struktur binaan, peristiwa dan sebagainya.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (f) Keunikan seni bina Jambatan Guillemard memberi kesedaran kepada golongan masyarakat kini pentingnya mengetahui seni bina terdahulu yang masih kekal utuh sehingga sekarang.

Jadual 4.6.1 (f) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Keunikan seni bina Jambatan Guillemard memberi kesedaran kepada golongan masyarakat kini pentingnya mengetahui senibina terdahulu yang masih kekal utuh sehingga sekarang.” Menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih “Sangat setuju” iaitu seramai 99 responden iaitu (49.5%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 82 responden bersamaan (41.0%). Manakala seramai 18 responden bersamaan (9.0%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, tiada responden bagi skala “Tidak setuju” dan manakala 1 responden memilih “Sangat tidak setuju” bersamaan (0.5%). Tegastlah bahawa keunikan seni bina Jambatan Guillemard memberi kesedaran kepada golongan masyarakat kini pentingnya mengetahui seni bina terdahulu yang masih kekal utuh sehingga sekarang.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	1	0.5	0.5	0.5
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	18	9.0	9.0	9.5
	Setuju	82	41.0	41.0	50.5
	Sangat setuju	99	49.5	49.5	100.0
Jumlah		200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (f) Keunikan seni bina Jambatan Guillemard memberi kesedaran kepada golongan masyarakat kini pentingnya mengetahui seni bina terdahulu yang masih kekal utuh sehingga sekarang.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (g): Jambatan Guillemard bukan sahaja melindungi warisan sejarah tetapi memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami peristiwa penting dalam sejarah negara.

Jadual 4.6.1 (g) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Jambatan Guillemard bukan sahaja melindungi warisan sejarah tetapi memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami peristiwa penting dalam sejarah negara.” Menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih “Sangat setuju” iaitu seramai 91 responden iaitu (45.5%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 97 responden bersamaan (48.5%) merupakan angka yang paling tertinggi. Manakala seramai 12 responden bersamaan (6.0%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, tiada responden bagi skala “Tidak setuju” dan “Sangat tidak setuju”. Tegaslah bahawa Jambatan Guillemard bukan sahaja melindungi warisan sejarah tetapi memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami peristiwa penting dalam sejarah negara.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	12	6.0	6.0	6.0
	Setuju	97	48.5	48.5	54.5
	Sangat setuju	91	45.5	45.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (g): Jambatan Guillemard bukan sahaja melindungi warisan sejarah tetapi memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami peristiwa penting dalam sejarah negara.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (h): Penyelenggaraan jambatan dijalankan untuk memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakan Jambatan Guillemard terjamin selamat.

Jadual 4.6.1 (h) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Penyelenggaraan jambatan dijalankan untuk memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakan Jambatan Guillemard terjamin selamat.” Menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih “Sangat setuju” dan merupakan angka tertinggi iaitu seramai 107 responden iaitu (53.5%) dengan pernyataan tersebut. Pengunjung yang memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 81 responden bersamaan (40.5%) merupakan angka kedua tertinggi. Manakala seramai 12 responden bersamaan (6.0%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, tiada responden bagi skala “Tidak setuju” dan “Sangat tidak setuju”. Tegastlah bahawa sangat penting penyelenggaraan jambatan dijalankan untuk memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakan Jambatan Guillemard terjamin selamat.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	12	6.0	6.0	6.0
	Setuju	81	40.5	40.5	46.5
	Sangat setuju	107	53.5	53.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (h): Penyelenggaraan jambatan dijalankan untuk memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakan Jambatan Guillemard terjamin selamat.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (i): Jambatan Guillemard mampu mewujudkan hubungan sosial antara masyarakat setempat diertatkan dengan kehadiran pengunjung luar.

Jadual 4.6.1 (i) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Jambatan Guillemard mampu mewujudkan hubungan sosial antara masyarakat setempat diertatkan dengan kehadiran pengunjung luar.” Menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih “Sangat setuju” dan merupakan angka tertinggi iaitu seramai 112 responden iaitu (56.0%) dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, pengunjung yang memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 78 responden bersamaan (39.0%) merupakan angka kedua tertinggi. Manakala seramai 10 responden bersamaan (5.0%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, tiada responden bagi skala “Tidak setuju” dan “Sangat tidak setuju”. Tegaslah Jambatan Guillemard mampu mewujudkan hubungan sosial antara masyarakat setempat diertatkan dengan kehadiran pengunjung luar.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	0	0	0	0
	Sederhana setuju	10	5.0	5.0	5.0
	Setuju	78	39.0	39.0	44.0
	Sangat setuju	112	56.0	56.0	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (i): Jambatan Guillemard mampu mewujudkan hubungan sosial antara masyarakat setempat dieratkan dengan kehadiran pengunjung luar.

Sumber: Kajian Lapangan 2023

4.6.1 (j): Jambatan Guillemard boleh menyumbang terhadap sektor ekonomi tempatan terutamanya dalam industri pelancongan.

Jadual 4.6.1 (j) menunjukkan bagi pernyataan ayat “Jambatan Guillemard boleh menyumbang terhadap sektor ekonomi tempatan terutamanya dalam industri pelancongan.” Menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih “Sangat setuju” dan merupakan angka tertinggi iaitu seramai 95 responden iaitu (47.5%) dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, pengunjung yang memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 85 responden bersamaan (42.5%) merupakan angka kedua tertinggi. Manakala seramai 18 responden bersamaan (9.0%) yang memilih "Sederhana setuju". Namun demikian, hanya 2 orang responden menjawab “Tidak setuju” bersamaan (1.0%) dan tiada responden bagi skala “Sangat tidak setuju”. Tegaslah bahawa Jambatan Guillemard boleh menyumbang terhadap sektor ekonomi tempatan terutamanya dalam industri pelancongan kepada Masyarakat.

		Frekuensi	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul
Sah	Sangat tidak setuju	0	0	0	0
	Tidak setuju	2	1.0	1.0	1.0
	Sederhana setuju	18	9.0	9.0	10.0
	Setuju	85	42.5	42.5	52.5
	Sangat setuju	95	47.5	47.5	100.0
	Jumlah	200	100.0	100.0	

Jadual 4.6.1 (j): Jambatan Guillemard boleh menyumbang terhadap sektor ekonomi tempatan terutamanya dalam industri pelancongan.

Sumber: Kajian Lapangan 2023



#### 4.7 Penutup

Secara keseluruhannya, bab empat ini mengandungi kesimpulan daripada maklumat yang dikumpul daripada temu bual, pemerhatian dan soal selidik dengan orang yang pernah mengunjungi Jambatan Guillemard, jambatan bersejarah di Tanah Merah. Pengkaji dapat melihat sendiri keunikan seni bina Jambatan Guillemard, yang perlu dijaga sebagai jambatan warisan, melalui keputusan pemerhatian. Selain itu, pengkaji telah menemubual dengan ahli bahagian perancangan pembangunan Majlis Daerah Tanah Merah untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard. Ini telah dilakukan untuk mengukuhkan penemuan kajian ini. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan, yang melibatkan penyebaran soal selidik untuk menilai elemen pemeliharaan jambatan dan menilai kesan pemeliharaan jambatan terhadap masyarakat setempat. Semua kaedah yang digunakan oleh pengkaji menghasilkan kesimpulan yang sama: semua responden bersetuju bahawa Jambatan Guillemard mesti dijaga untuk kekal sebagai monumen bersejarah untuk generasi akan datang.

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab lima secara keseluruhannya membincangkan mengenai kesimpulan serta cadangan kajian melalui data serta maklumat yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber berhubung dengan hasil dapatan kajian. Perbincangan yang telah dijelaskan dalam dapatan kajian mempunyai bahagian yang saling berkaitan antara permasalahan kajian dan cadangan-cadangan yang perlu dititikberatkan. Di samping itu, pengkaji turut mengemukakan cadangan yang dilihat melalui hasil dapatan kajian yang telah dijalankan.

#### **5.2 Kesimpulan**

Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah atau metodologi kajian yang digunakan pengkaji adalah berkesan melalui Kajian Pelestarian Khazanah Warisan Jambatan Guillemard Bagi Tujuan Pemeliharaan yang Memberi Impak Kepada Masyarakat Setempat Di Tanah Merah, Kelantan. Melalui kaedah temu bual pihak Majlis Daerah Tanah Merah yang dijalankan di pejabat Majlis Daerah Tanah Merah, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif pertama. Hasil dari temubual ini pengkaji telah berjaya mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan objektif pertama iaitu apakah sejarah penubuhan dan susur galur masa Jambatan Guillemard di Tanah Merah. Maklumat lain yang terdapat pada Jambatan Guillemard tersebut adalah berkaitan dengan susur galur masa Jambatan Guillemard yang

lebih tepat dan jelas yang disampaikan oleh Encik Encik Ahmad Azrin bin Aziz selaku Pegawai Perancang Bandar dan Desa di Tanah Merah, Kelantan.

Selain itu, objektif kedua juga dicapai melalui pemerhatian, tetapi borang soal selidik yang akan dijawab oleh masyarakat atau pengunjung Jambatan Guillemard ini sangat membantu. Pengkaji juga dapat mengkaji aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard. Seterusnya, pengkaji telah menyenaraikan beberapa soalan yang berkaitan dengan pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard antaranya ialah lakukan pemeriksaan rutin secara berkala untuk mengesan kemungkinan kerosakan dalam struktur jambatan, menjalankan penyelenggaraan pada bahagian yang rosak seperti menggantikan atau memperbaiki komponen yang rosak, membersihkan keluaran bahan terkumpul di sekeliling jambatan seperti sampah dan tumbuhan liar dan sebagainya. Hasilnya pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat beberapa responden, majoriti dari mereka sangat bersetuju akan setiap soalan ataupun kenyataan yang dikemukakan.

Dapatan kajian yang ketiga juga ia dibantu dengan penggunaan borang soal selidik serta pemerhatian yang dijalankan berkaitan dengan menganalisis impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat. Daripada 200 orang yang menjawab, pengkaji mendapati majoriti mereka sangat bersetuju dengan setiap kenyataan yang dinyatakan. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan dan memahami kenyataan untuk setiap soalan yang diajukan kepada mereka. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa responden yang sangat tidak bersetuju dengan beberapa kenyataan.

### 5.3 Cadangan

Dalam memastikan bangunan bersejarah iaitu Jambatan Guillerpard sentiasa mendapat lawatan ulangan dari masyarakat setempat dan pengunjung, pihak pengurusan perlu melakukan satu usaha atau inisiatif yang mampu menarik minat terutamanya pelancong untuk datang ke sana bagi mengekalkan warisan bersejarah ini sebagai produk pelancongan di Tanah Merah.

Melihat daripada kajian yang dijalankan mengenai kajian terhadap pelestarian khazanah warisan Jambatan Guillemard bagi tujuan pemeliharaan yang memberi impak kepada masyarakat setempat di Tanah Merah, Kelantan. Masyarakat setempat berpuas hati dengan pelestarian dan pemeliharaan khazanah warisan Jambatan Guillemard. Kajian itu berjaya mencapai semua matlamatnya, dan hasil temu bual dan soal selidik menunjukkan bahawa responden berpuas hati dengan setiap aspek pemeliharaan Jambatan Guillemard dan kesan yang ia telah berikan kepada masyarakat setempat.

Pemeliharaan yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap melestarikan Jambatan Guillerpard sepatutnya dijalankan dengan wajar. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa pihak bertanggungjawab, seperti kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), perlu menggiatkan lagi usaha untuk memastikan Jambatan Guillemard yang bersejarah di Tanah Merah ini dilindungi dan dipulihara dengan baik supaya ia boleh disimpan untuk generasi akan datang. Sebagai contoh, kerajaan negeri dan NGO perlu mempromosikan dengan lebih giat tentang jambatan bersejarah ini sebagai lokasi penting. Adalah mungkin untuk meningkatkan minat pelancong dan menarik lebih ramai orang ke Jambatan Guillemard melalui usaha ini.

Akhir sekali, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak yang menguruskan Jambatan Guillemard di Kelantan untuk meneruskan usaha mereka untuk mengekalkan keindahan kawasan bangunan bersejarah dengan memastikan semua urusan pengurusan dan penyelenggaraan jambatan dijalankan dengan cara yang teratur dan sistematik seperti yang dilakukan pada masa ini. Tujuannya adalah untuk memastikan Jambatan Guillemard di Tanah Merah menerima jumlah pengunjung yang tinggi setiap tahun, menjadikannya pusat pelancongan warisan di Kelantan dan memberi kesan positif kepada komuniti setempat di Tanah Merah.

## Rujukan

Ad, N. F. C. (2014). Sejarah Jambatan Merdeka.

Ahmad Ramly, (2004). *Pemeliharaan dan Penyelenggaraan Model Monumen*

Amran, A. (2015). *The relationship between knowledge management approaches and job satisfaction in Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah and Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA, Kelantan).

Azmi, A. A. B. (2015). *Pendidikan jambatan Guillemard kepada pelajar tingkatan tiga melalui media interaktif* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

CHING, T. C. (2008). SEISMIC VULNERABILITY STUDY OF GUILLEMARD RAILWAY BRIDGE.

Gazali, N. M., & Abdullah, M. A. (2022). Implikasi Perkembangan Pembangunan Bandar Terhadap Sosioekonomi Dan Kesejahteraan Penduduk Di Bandar Tanah Merah, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-10.

Hussin, A. A. (Ed.). (2014). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia* (Penerbit USM). Penerbit USM.

Jamal, D. H. D., & Ramli, Z. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula (Conservation of several historic buildings in Kelantan: A survey on involvements of the local community in adaptive reuse). *Geografia*, 17(2).

Ibrahim, J. A., Abdul Razak, N., & Ahmad, M. Z. (2016). Tinggalan Warisan Di Sepanjang Jalan Keretapi Tapah Road–Teluk Intan: Kajian Awalan Dan Potensi Pemeliharaan.

Kaur, J., & Singh, P. M. (2012). Isu Pemeliharaan dan Pemuliharaan jambatan putus, Buloh Kasap, Segamat

Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah (1994), "Warisan Desa. Tanah Merah Kelantan" Risalah, Kelantan: Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah", .h 1.

Pelancongan & Sejarah Negeri Kelantan, "Jambatan Guillemard," Digital Kelantan Collection, accessed February 13, 2023, <http://digitalkelantancollection.umk.edu.my/koleksikelan>

Tobek Sulong. (2022). Jambatan Guillemard bersejarah, namun sunyi. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/04/jambatan-guillemardbersejarah-namun-sunyi/>

- Yusoff, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu*, 8, 173-188.
- Yusoff, Y. M., & Dollah, H. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara (National development and the protection of heritage property: An appraisal of the Malaysian experience). *Geografia*, 9(2).



## Lampiran A

### Informan



Pengkaji bersama informan iaitu Encik Ahmad Azrin bin Aziz

Nama	Encik Ahmad Azrin bin Aziz
Pekerjaan	Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Tarikh/Hari Temubual	19 December 2023/ Hari Ahad
Masa Temubual	11.00 Pagi
Lokasi	Pejabat Majlis Daerah Tanah Merah

**OBJEKTIF 1 (UNTUK MENGENALPASTI SEJARAH PENUBUHAN DAN SUSUR GALUR JAMBATAN GUILLEMARD, TANAH MERAH KELANTAN)**

<b>Transkrip Temu Bual</b>	
A	Assalamualaikum Encik. Nama saya Mohamad Naim bin Ibrahim. Saya pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan. Saya datang ke sini sebab ada menjalankan projek penyelidikan (FYP) mengenai Kajian Pelestarian Khazanah Warisan Jambatan Guillemard Bagi Tujuan Pemeliharaan yang Memberi Impak Kepada Masyarakat Setempat Di Tanah Merah, Kelantan. Boleh tak saya nak temu bual encik beberapa soalan bagi menyempurnakan tugas saya ni?
B	Walaikumussalam. Boleh jer tanya, yang mana boleh saya bantu saya akan bantu. Okey, boleh ke kita teruskan dengan soalan pertama?
A	Okey boleh boleh encik. Okey encik soalan pertama saya berbunyi, apakah sejarah asal dan utama penubuhan Jambatan Guillemard?
B	Okey soalan yang menarik untuk saya terangkan, okey sejarah asal ye..Sejarah asalnya ditubuhkan untuk sebagai jaringan pengangkutan daripada sebelah Machang dan menghubungkan ke Tanah Merah dan seterusnya ke stesen Tumpat. Okey sebenarnya untuk mengangkut hasil bijih besi ketika tu la. Sebab dulu Temangan tu antara pusat perlombongan bijih besi utama dan dibawa kepada pengkalan ataupun macam mini port di Tumpat. Haa jadi untuk cross Machang ke Tumpat tu kena cross Sungai Kelantan dan di Sungai Kelantan tu la ada keperluan untuk bina jambatan ataupun “gertok” okey jadi maka disitu tertubuhnya idea untuk buat Jambatan Guillemard pada tahun 1920.
A	Oh, menarik ye sejarah penubuhan Jambatan Guillemard ni. Okey encik kita teruskan kepada soalan yang kedua. Bolehkah encik terangkan dengan lebih jelas dan terperinci tentang sejarah penubuhan Jambatan Guillemard dulu dan sekarang?
B	Okey okey boleh, Nama Guillemard itu sendiri diambil sempena Residen British yang ditempatkan di Tanah Melayu Sir Laurance Guillemard nama dia dan start binanya pada April 1920 dan mengambil masa lebih kurang 4 tahun la. Dan ada pasang surut la pada masa pembinaan tu mungkin halangan cuaca, peperangan dan sebagainya jadi lewat. Dibuka secara rasmi pada 19 Julai 1924 dan kita pada 19 Julai 2024 ni menyambut usia 100 tahun la Jambatan Guillemard tu. Okey hmm dahulunya hmm Jambatan Guillemard ni berfungsi sebagai pengangkutan ataupun struktur yang menghubungkan Machang dengan Tanah Merah ke semua jenis pengangkutan hmm seperti keretapi, lori, kereta, beca, basikal lalu situ sebelum siapnya jambatan Kusial tahun 80an. Sebelum 80an tu hmm semua kenderaan beroda lalu sini. Dia ada sistem la maknanya hmm bila keretapi nak lalu disekat la kenderaan biasa dan situ la tempat aaaa pada ketika itu la emm zaman kegemilangannya pekan Temangan dan pekan Kusial Baru.
A	Okey encik terima kasih atas penerangan yang jelas, okey kita teruskan dengan soalan ketiga yang berbunyi siapakah yang bertanggungjawab dalam penubuhan Jambatan

	Guillemard?
B	Sebenarnya Kerajaan British la ketika tu hmm dengan fund ataupun bajet daripada Federated Malay States Railway hmmm yang membuat kerja rekabentuk kejuruteraan bermula daripada binaan sampai siap la daripada (FMSR) lagi. Kontraktor utama pada ketika tu adalah The Metro Carriage Wagon & Finance Company Limited, Syarikat yang berpangkalan di England.
A	Okey baik baik..Kita teruskan lagi dengan soalan seterusnya iaitu ada ke orang bertanggungjawab yang terlibat dalam usaha memelihara Jambatan Guillemard?
B	Okey soalan seterusnya pihak berkepentingan. Sebenarnya pihak berkepentingan lebih kepada Kerajaan pada ketika itu la yang diketuai oleh pihak British dan juga Kerjasama dengan hmm Sultan Kelantan la yang merestui aaa pembinaan jambatan keretapi pada ketika tu.
A	Oh kiranya Sultan Kelantan memainkan peranan juga la. okey okey encik. Kita teruskan dengan soalan kelima adakah Sejarah penubuhan Jambatan Guillemard ini dapat memberi impak kepada Masyarakat pada hari ini?
B	Memang sangat memberi impak la kepada masyarakat dan juga Pembangunan fizikal terutamanya di sebelah Machang dan sebelah Tanah Merah la. Sebab itula antara satu satunya yang menghubungkan Tanah Merah dengan Machang, Pasir Puteh dan sebagainya pada zaman sebelum 80an sebelum jambatan Kusial tu siap. Ia kalau ikutkan Sejarah ia panjang ia siap pada tahun 1924 tu beroperasi baik la sampai pendudukan Jepun pada 1948 bila Jepun datang tu, Jepun mendarat Sabak bila Jepun semakin mara ke sebelah Hulu ni British mengebom sebahagian jambatan ni untuk menyekat kemaraan Jepun. Haa kalau datang musim air surut ada lagi kesan lama yang jatuh kebawah pada tahun sekitar 1948 la di bom dan bila selepas pendudukan Jepun tamat dan dibaiki balik la oleh Kerajaan British lagi ketika tu pada tahun 1941 dan disitu la 2 rentang jambatan tu dibom untuk menyekat kemaraan Jepun. Bila Jepun menyerah kalah pada 1948 tu British kembali la, bila British kembali tu masih ada keperluan untuk membaiki jambatan tu so British baiki jambatan tu dan siap sepenuhnya pada 7 September 1948 dan sekali lagi dirasmikan oleh Sultan Ibrahim. Pada zaman 20an tu ayah dia yang rasmi, 1924 tu Sultan Muhammad iv yang rasmi. Bila rosak roboh dan dibaiki semula pada tahun 48 tu anak dia, Sultan Ibrahim merasmikan untuk kali kedua la. Okey lepas daripada tu Jambatan Guillemard ni ada beberapa kali dilanda banjir la bah besar 2014. 2014 tu dikatakan hanya beberapa inci lagi air sungai nak mencecah paras bawah Jambatan Guillemard ni la.
A	Oh okey faham dan jelas. Okey soalan seterusnya adalah bagaimanakah cara/langkah pihak MDTM untuk memastikan aspek keselamatan pengunjung yang datang terjaga dengan baik?

B	Okey cuma sekarang ni pihak MDTM mengambil langkah membuat pagar la situ. Jadi sekarang ni kalau kita pergi terbaru ni tak boleh nak pergi dah naik ke atas Jambatan Guillemard .Itu salah satu usaha menjaga aspek keselamatan pengunjung.
A	Oh sekarang ni tidak perlu risau lagi la dari segi keselamatan tu, okey okey faham. Okey encik kita pergi ke soalan seterusnya apakah peranan penting yang dijalankan oleh pihak MDTM untuk menjaga dan memelihara keaslian seni bina Jambatan Guillemard?
B	Sebagai mana saya cakap tadi la MDTM mengambil langkah dengan memajukan sedikit tanah Kerajaan berhampiran dengan Jambatan Guillemard tu untuk buat taman. Taman tu MDTM namakan sebagai <i>Guillemard View @</i> Kusial. Taman tu setakat sekarang ni MDTM baru occupy lebih kurang dalam 1 ekar setengah la. Sebenarnya tanah tu memanjang lebih kurang 11 ekar sampai ke pekan Kusial. Untuk fasa 1 itu la sebagai mana di tapak taman tu cuma sekarang ni MDTM membuat pembaikan tebing dan juga kiosk kontena serta dengan playground untuk fasa berikutnya. Itulah salah satu usaha MDTM untuk menjaga dan memelihara seni bina Jambatan Guillemard dan untuk usaha way forward ke hadapan MDTM telah mengangkat permohonan perwartaan Jambatan Guillemard. Dan untuk tahun hadapan sebenarnya banyak program yang MDTM atur bersempena ke 100 tahun.
A	Okey mungkin lebih menarik ye dengan adanya program yang akan diadakan dekat Jambatan Guillemard. Baiklah encik, kita pon dah penghujung bicara soalan terakhir saya adalah bagaimanakah cara pihak MDTM untuk mempromosikan Jambatan Guillemard sebagai kawasan pelancongan warisan?
B	Cara pihak MDTM mempromosikan Jambatan Guilemard. Okey salah satu usaha MDTM pada tahun ni MDTM telah buat larian Guillemard sebenarnya acara larian santai bermula daripada padang MDTM sampai ke Jambatan Guillemard lebih kurang dalam 10 kilometer la. MDTM membuat acara larian yang untuk memberi pendedahan kepada pengunjung, peserta larian tu berkenaan Guillemard. Untuk tahun depan juga MDTM banyak mengangkat permohonan projek la untuk menambahkan lagi Taman Guillemard View tu. Itu pun salah satu usaha MDTM untuk mempromosi antaranya Pembangunan Guillemard View Fasa 2 menggunakan peruntukkan daripada Jabatan Landskap Negara yang ini usaha untuk MDTM projek ini seperti dataran, kioks, lepastu MDTM nak sambung lagi laluan penjalan kaki tu la. Itula usaha MDTM untuk tahun ke hadapan. Okey itu sahaja serba sedikit daripada saya yang dapat saya Kongsikan dan saya rasa menjawab la semua soalan tu ye. Kalau perlukan apa apa atau ada persoalan boleh la hubungi saya ye.
A	Okey baik la encik. Terima kasih banyak banyak encik kerana sudi meluangkan masa untuk saya temu bual encik.
B	Okey sama sama.

## Lampiran B

### SOALAN SOAL SELIDIK (BERASASKAN OBJEKTIF KAJIAN)

**TAJUK:** KAJIAN TERHADAP PELESTARIAN KHAZANAH WARISAN JAMBATAN GUILLEMARD BAGI TUJUAN PEMELIHARAAN YANG MEMBERI IMPAK KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT DI TANAH MERAH, KELANTAN.

### BAHAGIAN A : MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

**1) JANTINA**

- Lelaki
- Perempuan

**2) UMUR**

- 19 Tahun – 29 Tahun
- 30 Tahun – 49 Tahun
- 50 Tahun - 59 Tahun
- 60 Tahun ke atas

**3) BANGSA**

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain

**4) STATUS**

- Bujang
- Berkahwin

**5) PEKERJAAN**

- Sektor Kerajaan
- Sektor Swasta
- Bekerja Sendiri
- Pelajar
- Tidak Bekerja

**OBJEKTIF 2 (MENGAJI ASPEK PEMELIHARAAN YANG DI BUAT TERHADAP JAMBATAN GUILLEMARD)**

Arahan: Sila tandakan pengetahuan anda tentang aspek pemeliharaan yang dibuat terhadap Jambatan Guillemard. Dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5, tandakan (/) pada satu jawapan sahaja berdasarkan pendapat anda.

1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Bil.	Pernyataan	1	2	3	4	5
1.	Lakukan pemeriksaan rutin secara berkala untuk mengesan kemungkinan kerosakan dalam struktur jambatan.					
2.	Menjalankan penyelenggaraan pada bahagian yang rosak seperti menggantikan atau memperbaiki komponen yang rosak.					
3.	Membersih keluaran bahan terkumpul di sekeliling jambatan seperti sampah dan tumbuhan liar.					
4.	Sistem saliran jambatan mesti diselenggara untuk mengelakkan takungan air yang boleh merosakkan substruktur jambatan.					
5.	Memeriksa dan menyelenggara struktur sokongan seperti tiang dan asas untuk memastikan kestabilan jambatan.					
6.	Lakukan pembaikan segera jika didapati kerosakan yang boleh membahayakan keselamatan pengguna					

**OBJEKTIF 3 (MENGANALISIS IMPAK PEMELIHARAAN JAMBATAN KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT)**

Arahan: Sila tandakan pengetahuan anda impak pemeliharaan jambatan kepada masyarakat setempat. Dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5, tandakan (/) pada satu jawapan sahaja berdasarkan pendapat anda.

1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Bil.	Pernyataan	1	2	3	4	5
1.	Masyarakat akan lebih minat untuk mengetahui tentang kewujudan sejarah penubuhan Jambatan Guillemard.					
2.	Penubuhan Jambatan Guillemard mampu menyebarkan ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat seperti sejarah Jambatan Guillemard.					
3.	Menjadikan Jambatan Guillemard sebagai salah satu kunjungan yang bermanfaat serta menjadikan sebagai khazanah warisan negara.					
4.	Jambatan Guillemard dapat menarik minat golongan masyarakat untuk mengetahui keunikan seni bina terdahulu.					
5.	Penubuhan Jambatan Guillemard mampu membuka mata masyarakat tentang keunikan struktur binaan, peristiwa dan sebagainya.					
6.	Keunikan seni bina Jambatan Guillemard memberi kesedaran kepada golongan masyarakat kini pentingnya mengetahui seni bina terdahulu yang masih kekal utuh sehingga sekarang.					
7.	Jambatan Guillemard bukan sahaja					

	melindungi warisan sejarah tetapi memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami peristiwa penting dalam sejarah negara.					
8.	Penyelenggaraan jambatan dijalankan untuk memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakan Jambatan Guillemard terjamin selamat.					
9.	Jambatan Guillemard mampu mewujudkan hubungan sosial antara masyarakat setempat diertakan dengan kehadiran pengunjung luar.					
10.	Jambatan Guillemard boleh menyumbang terhadap sektor ekonomi tempatan terutamanya dalam industri pelancongan.					

**Tinjauan Ke Tempat Lapangan**

